

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini pengkaji membincangkan mengenai latar belakang kajian yang dijalankan dan penyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan beserta dengan persoalan, objektif, kepentingan, kajian penyelidik tempatan berkaitan pembelajaran koperatif, batasan kajian, bidang kajian, sampel kajian dan seterusnya rangka kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Status Bahasa Arab sekolah rendah pada masa kini sebagai mata pelajaran bahasa tambahan dan setiap murid Islam yang memasuki tahun satu diwajibkan mengambil subjek tersebut sekiranya tidak mengambil Bahasa Cina Komunikasi atau Bahasa Tamil Komunikasi. Ia diajar di sekolah-sekolah rendah secara berpilih dan terhad. (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, 2004). Dari segi pendekatan pengajaran yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) Bahasa Arab pada masa kini banyak berpusatkan guru dan latih tubi secara individu. Namun begitu, tidak semua murid dapat mengikuti pendekatan tersebut dengan baik. Terdapat guru yang hanya menggunakan kaedah tradisional di dalam proses P&P tanpa menggunakan strategi atau kaedah yang dapat membantu murid ini. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi atau kaedah pembelajaran lain yang berkesan dan boleh disesuaikan di dalam pengajaran Bahasa Arab program j-QAF.

1.2 Penyataan Masalah

Dalam konteks pendidikan Bahasa Arab di sekolah-sekolah masa kini, kebanyakan kaedah P&P yang digunakan guru kurang menarik dan boleh mematikan semangat dan motivasi murid untuk mempelajari Bahasa Arab. Secara amnya, pembelajaran Bahasa Arab melibatkan empat kemahiran iaitu kemahiran membaca, mendengar, menulis dan komunikasi (Ramzan Bin Muhamad, 2001). Keempat-empat elemen kemahiran tersebut perlu disepadukan ketika berlakunya proses pembelajaran melalui penggunaan kaedah atau strategi yang dapat membantu murid memahami pembelajaran tersebut dengan baik. Ini adalah kerana di peringkat awal kanak-kanak ianya merupakan satu proses yang sukar untuk dikuasai, dilaksanakan dan suatu tugas yang mencabar kerana murid bukanlah penutur natif bahasa tersebut. Maka proses pembelajaran adalah merupakan fasa utama di dalam memastikan murid itu dapat menguasai Bahasa Arab dengan baik dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Menurut Khalid (1993), pembelajaran berkesan bermakna satu usaha yang teratur, bersistem, bertertib serta optimum yang menyatupadukan dan memanfaatkan kesemua komponen pembelajaran untuk kejayaan yang paling maksimum, ternyata bahawa satu langkah atau alternatif perlu diambil oleh guru bagi memperbaiki mutu P&P. Salah satu daripadanya adalah dengan menggunakan kaedah atau strategi pembelajaran koperatif (PK). Proses pengajaran yang berkesan dan dijalankan dalam suasana sihat dan bersemangat akan dapat meningkatkan pembelajaran dalam diri murid.

Ia juga merupakan satu proses pembelajaran di mana berlaku hubungan sosial yang positif sesama rakan di dalam kumpulan. Kaedah pengajaran yang digunakan di

dalam kelas menjadi salah satu faktor yang membuatkan murid pasif dan kurang berinteraksi sesama rakan di dalam melakukan tugas yang diberikan oleh guru. Kajian lepas berkaitan PK yang dijalankan oleh Suhaida Abdul Kadir (2002) turut menunjukkan interaksi sesama murid yang menjadi ciri utama PK berupaya meningkatkan kemampuan murid keseluruhannya.

Selain itu, terdapat persepsi di kalangan murid bahawa Bahasa Arab merupakan subjek yang sukar untuk dipelajari dan persepsi seperti ini akan menjadikan mereka kurang bermotivasi untuk belajar. Di dalam kajian yang dilakukan oleh Wan Azura Wan Ahmad dan Lubna Abd Rahman yang bertajuk Pembelajaran bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Tinjauan Kecenderungan Pelajar telah mendapati walaupun kebanyakan pelajar ini telah lama mengikuti pembelajaran bahasa Arab iaitu melebihi 6 tahun pengajian, namun mereka mengakui bahawa mereka masih kurang menguasai bahasa tersebut atau tidak dapat menguasainya dengan baik. Walau bagaimanapun, majoriti daripada mereka meminati bahasa tersebut. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk mengekalkan atau menambah minat pelajar terhadap bahasa ini dan guru memainkan peranan penting di dalam memastikan P&P yang melibatkan pembelajaran dua hala berlaku bagi menarik minat murid.

Daripada perbincangan di atas, boleh dikatakan bukanlah matapelajaran Bahasa Arab itu yang tidak menarik, tetapi kegagalan guru menggunakan kaedah yang berkesan menjadikan matapelajaran ini tidak menarik. Ini selari dengan pendapat Brown (1980) iaitu; "It is not the courses that they inefficient but the way they taught".

Melalui kajian yang akan dijalankan, pengkaji cuba mengetengahkan penggunaan kaedah atau strategi PK di dalam proses pengajaran yang dijalankan yang mana mampu

menyelesaikan masalah pembelajaran Bahasa Arab dan meningkatkan minat juga interaksi sesama murid dapat berjalan dengan baik. Ini berdasarkan kajian-kajian di luar negara menunjukkan PK berupaya meningkatkan pencapaian murid di dalam pelbagai mata pelajaran untuk semua peringkat pendidikan (Johnson, Maruyama, Johnson, Nelson, & Skon, 1981).

1.3 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti perbezaan skor murid dalam ujian pra dan pasca sebelum didedahkan dengan kaedah PK dan selepas didedahkan dengan kaedah PK.
- 2) Mengenalpasti kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina.
- 3) Mengenalpasti sejauhmana amalan PK dapat meningkatkan minat murid terhadap Bahasa Arab.

1.4 Soalan Kajian

Persoalan kajian bagi objektif untuk mengenal pasti keberkesanan PK adalah seperti berikut:

- 1) Adakah terdapat perbezaan skor murid dalam ujian pra dan pos sebelum didedahkan dengan kaedah PK dan selepas didedahkan dengan kaedah PK?

- 2) Sejauhmanakah kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina?
- 3) Sejauhmanakah amalan PK dapat meningkatkan minat murid terhadap matapelajaran Bahasa Arab?

1.5 Implikasi dan Keperluan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keperluan dan keberkesanannya kaedah PK di dalam pembelajaran bahasa arab program j-QAF yang mana melibatkan murid tahun enam sekolah rendah. Maklumat atau data yang diperolehi melalui ujian pra dan pos, pemerhatian berstruktur dan soal selidik yang dijalankan membolehkan beberapa informasi berguna diperoleh dan seterusnya dapat digunakan bagi membolehkan penilaian dan analisis terhadap kaedah PK yang digunakan di dalam pembelajaran bahasa arab program j-QAF dibuat. Selain itu, penambahbaikan terhadap proses P&P sedia ada dapat dipertingkat dari masa ke semasa melalui maklumat yang diperoleh seterusnya menyumbang ke arah peningkatan pencapaian murid di dalam subjek bahasa arab.

Kajian ini juga penting dilakukan kerana guru boleh menggunakannya sebagai kaedah alternatif dalam proses P&P di samping dapat meningkatkan minat murid terhadap matapelajaran Bahasa Arab. Walaupun banyak kajian mengenai keberkesanannya PK di luar negara dan di Malaysia sendiri, namun penggunaannya dalam membantu meningkatkan mutu pembelajaran dan prestasi murid di dalam Bahasa Arab belum begitu meluas.

Hasil kajian ini diharap boleh dijadikan garis panduan khususnya kepada guru-guru mata pelajaran Bahasa Arab terutamanya dalam mengenal pasti kaedah yang dapat membantu proses P&P dalam meningkatkan prestasi murid. Hasil kajian ini juga sedikit sebanyak boleh menjadi pendorong kepada guru untuk beralih kepada pengajaran menggunakan kaedah yang berpusatkan murid secara lebih berstruktur.

Berdasarkan penggunaan PK yang menggalakkan kerjasama antara murid yang berbeza tahap kebolehan, diharapkan dapatan kajian ini nanti juga dapat mengubah persepsi murid bahawa pembelajaran Bahasa Arab adalah sesuatu yang sukar yang mana hanya murid pandai sahaja yang boleh berjaya. Seterusnya lebih ramai murid berminat untuk mengikuti proses pembelajaran dan pada masa yang sama prestasi pelajar secara keseluruhannya meningkat dengan lebih baik.

Justeru dengan adanya kajian seperti ini, diharapkan dapat membantu pihak berkaitan seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) khususnya di dalam usaha pengemaskinian Program Latihan Perguruan serta melaluinya dapat melahirkan guru-guru Bahasa Arab yang cemerlang di dalam bidang pedagogi.

Seterusnya kepada Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, KPM yang terlibat secara langsung di dalam penghasilan model P&P serta pengurusan program j-QAF sekolah rendah. Kajian ini juga diharap dapat membantu pihak sekolah di dalam mengambil kira PK sebagai alternatif kepada strategi P&P yang sedia ada di dalam melahirkan individu berupaya menjadi anggota masyarakat yang seimbang dalam aspek intelek dan emosi.

Selain dari itu di dalam kaedah PK ini juga terdapat pelbagai jenis kaedah yang boleh digunakan dan disesuaikan dengan objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa arab program j-QAF yang dijalankan di sekolah rendah. Menurut Slavin (1985) kaedah ini berstruktur dan sesuai digunakan dalam pelbagai matapelajaran khususnya matapelajaran sains sosial. Tinjauan ini menjurus kepada kecenderungan murid terhadap pembelajaran Bahasa Arab di sekolah rendah.

1.6 Tinjauan Kajian Berkaitan Pembelajaran Koperatif

Di dalam bab ini, pengkaji membuat tinjauan kajian-kajian lepas berkenaan dengan PK sama ada secara umum atau khusus terhadap pencapaian murid. Pengkaji mendapati kajian-kajian literatur tersebut mempunyai persamaan dengan kajian yang sedang dijalankan iaitu dari segi melihat sejauh mana keberkesanan pembelajaran secara koperatif di dalam pembelajaran dan pengkaji mengkhususkan pengkajian dalam pembelajaran Bahasa Arab program j-QAF dan ianya amat membantu di dalam mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan.

1.6.1 Keberkesanan Kaedah PK dalam Meningkatkan Pencapaian Murid

Kajian-kajian berkaitan PK telah banyak dilakukan di Malaysia dan di luar negara. Antara kajian awal tentang PK telah dilakukan oleh Gan (1992) ke atas bilik darjah heterogenus untuk melihat faedah PK. Dapatan kajian yang dijalankan mendapati PK dapat meningkatkan pencapaian khasnya bagi murid berpencapaian rendah kerana kumpulan ini menerima lebih bantuan yang bukan sahaja terbatas daripada guru tetapi juga daripada rakan-rakan. Dapatan kajian tersebut dapat

membantu pengkaji dalam menyelesaikan persoalan kajian bagi melihat perbezaan pencapaian di antara jantina setelah murid melalui kaedah PK di dalam bilik darjah.

Seterusnya dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Suhaida Abdul Kadir, Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Noran Fauziah Yaakub, Habibah Elias Rohani dan Ahmad Tarmizi (2006) di mana kajian yang dijalankan bertajuk *Kesan Strategi Pembelajaran Koperatif terhadap Prestasi Pelajar dalam Pendidikan Perakaunan* iaitu bagi melihat keberkesanan kaedah PK ke atas prestasi murid selanjutnya. Melalui kajian tersebut, pengkaji dapat melihat perbandingan yang dibuat di antara PK secara koperatif dengan pengajaran menggunakan kaedah tradisional di dalam pendidikan perakaunan. Dapatan yang diperolehi secara umumnya mendapati kaedah PK didapati memberi kesan yang lebih baik terhadap prestasi murid berbanding pengajaran dengan menggunakan kaedah tradisional.

Dapatan ini juga telah diperolehi di dalam kajian yang dijalankan oleh Norziha yang bertajuk *Kajian Kes Penggunaan Pembelajaran Koperatif dan Kemahiran Generik Terhadap Matapelajaran 'Logik Digital'*. Kajian ini menunjukkan bahawa PK berjaya meningkatkan keupayaan prestasi murid dalam mempelajari Logik Digital. Pendekatan PK ini juga mampu untuk menyampaikan pengajaran secara berkesan dibandingkan dengan secara kuliah. Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa PK berupaya untuk meningkatkan kemahiran generik murid. Masalah yang dihadapi apabila menggunakan teknik koperatif ini ialah ianya mengambil masa yang cukup panjang. Masa tambahan terpaksa di ambil atau digunakan bagi menyelesaikan silibus mata pelajaran. Tetapi dengan pengurusan masa yang berkesan, masalah ini dapat diatasi.

Seterusnya kajian mengenai keberkesanannya PK turut sama dilakukan oleh Jamilah Abdul Karim (1993) yang mana beliau memfokuskan kaedah tersebut dalam pengajaran penulisan Bahasa Inggeris bagi pelajar tingkatan 1 di sebuah sekolah di Kajang. Hasil dapatan telah mendapati setelah murid diperkenalkan dengan kaedah PK, mereka berminat untuk mempelajari Bahasa Inggeris dengan menggunakan kaedah tersebut dan terdapat peningkatan dari segi pencapaian murid yang mengikuti kaedah tersebut di dalam kelas. Melalui dapatan tersebut jelas menunjukkan bahawa kaedah PK berkesan dan sesuai untuk diaplikasikan di dalam P&P di dalam bilik darjah.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Norijah Mohamed (1997) juga untuk adalah untuk melihat keberkesanannya model rekabentuk PK dan pengajaran secara modul ke atas 274 orang murid di Selangor. Dapatan daripada PK yang dilaksanakan selama 12 minggu telah memberi banyak kesan yang positif terhadap diri murid seperti berkeyakinan, berkesungguhan dan menunjukkan minat yang mendalam terhadap Bahasa Melayu. Dapatan kajian juga menunjukkan kaedah yang dijalankan ini sangat berkesan dan telah berjaya meningkatkan meningkatkan prestasi dan pencapaian murid di dalam pembelajaran.

Seterusnya kajian tentang perkaedahan dalam pengajaran penulisan karangan telah dijalankan oleh Ahmad Zaini Yaakob (2001) yang telah mengkaji tentang kesan PK di kalangan murid tingkatan 4 di luar bandar. Beliau telah menjalankan kajian bagaimana PK dapat meningkatkan mutu penulisan murid dan sejauhmana mereka boleh menerima pembelajaran kolaboratif dalam penulisan. Dapatan kajian beliau telah menunjukkan PK dapat meningkatkan aspek-aspek tersebut dalam mutu penulisan dan seterusnya berjaya meningkatkan pencapaian murid. Dapatan tersebut dapat dikaitkan

dengan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji iaitu untuk melihat keberkesanan kaedah PK di mana penulis memfokuskan di dalam P&P Bahasa Arab.

Kajian mengenai keberkesanan pembelajaran secara koperatif di dalam bidang bahasa turut dilakukan oleh Ramzan Muhamad (2001) bertajuk *Satu Kajian Eksperimen Tentang Keberkesanan Pembelajaran Secara Koperatif Dalam Matapelajaran Bahasa Arab Komunikasi*. Pengkaji mendapati tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan pembelajaran secara koperatif iaitu kaedah Student Team Achievement Division (STAD) dapat meningkatkan pencapaian murid dalam menguasai kemahiran-kemahiran Bahasa Arab Komunikasi. Hasil kajian ini adalah untuk menunjukkan pembelajaran secara koperatif kaedah STAD tersebut sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid di dalam menguasai kemahiran-kemahiran Bahasa Arab Komunikasi, terutama kemahiran bertutur dan membaca dan secara tidak langsung ia turut menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan ini.

Seterusnya kajian bagi melihat keberkesanan kaedah PK dalam bidang bahasa turut dijalankan oleh Ahmad Najdi Hj. Fadzil di dalam pembelajaran Bahasa Arab yang bertajuk *Keberkesanan Pembelajaran Secara Koperatif dalam mata pelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) Tingkatan Empat*. Kajian ini mengkaji mengenai keberkesanan pembelajaran secara koperatif dalam mata pelajaran BAT tingkatan empat dan kajian ini dihadkan untuk melihat peningkatan pencapaian kemahiran membaca dan menulis sahaja. Hasil kajian ini turut sama menunjukkan pembelajaran secara koperatif kaedah STAD sangat berkesan dalam meningkatkan pencapaian murid terutama dalam kemahiran membaca bagi mata pelajaran BAT tingkatan empat. Kajian tersebut turut

membantu pengkaji di dalam mendapatkan maklumat yang tepat dari segi dapatan mengenai kajian yang akan dijalankan.

Pengkaji mendapati banyak kajian yang dilakukan bagi mengetahui keberkesanan kaedah PK dan seterusnya Manisah (2001) telah membuat kajian mengenai implikasi kaedah PK terhadap pelajar yang lemah yang mengikuti pelajaran Ekonomi Asas. Kajian eksperimen ini telah memperkenalkan teknik Jigsaw kepada 30 orang murid tingkatan 4 di sebuah Sekolah Menengah di Kuala Lumpur. Dapatan kajianya menunjukkan terdapat peningkatan dari segi pencapaian murid di samping mendapat maklum balas yang positif tentang pandangan murid yang mengatakan mereka seronok mengikuti pembelajaran secara koperatif. Di dalam kajian yang akan dijalankan, pengkaji akan menjalankan soal selidik ke atas murid bagi mengetahui pandangan mereka terhadap kaedah PK bagi membantu mendapatkan dapatan kajian yang tepat.

Roslina Othman (2002) pula telah mengkaji mengenai strategi PK di kalangan kanak-kanak bermasalah pendengaran di Kelantan mendapati kanak-kanak tersebut yang mengikuti strategi PK telah menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam mengenal huruf dan suku kata berbanding kanak-kanak yang belajar menggunakan kaedah tradisional. Ini dengan jelas menunjukkan kepada pengkaji bahawa kaedah PK yang dijalankan di dalam sesi pembelajaran amat membantu murid dalam meningkatkan pencapaian mereka berbanding kaedah tradisional. Ini kerana pada pandangan pengkaji, pembelajaran yang melibatkan kerjasama dan interaksi sesama ahli kumpulan akan meransang pelajar untuk lebih memahami sesi P&P yang dijalankan.

Kajian yang dijalankan oleh Zakaria Kassim (2003) pula memberi tumpuan kepada kemahiran komunikasi, pembabitan dan pencapaian murid dalam matapelajaran perdagangan melalui dua kaedah PK iaitu kaedah Jigsaw dan STAD. Beliau menjalankan kajian secara kuasi eksperimen selama 11 minggu bagi mengenalpasti kesan kedua kaedah tersebut ke atas pencapaian, pembabitan dan amalan berkomunikasi murid. Dapatan kajian menunjukkan kaedah PK menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid jika dibandingkan dengan kaedah pembelajaran secara konvensional. Kaedah STAD yang digunakan turut menjadi panduan dan secara tidak langsung ianya membantu pengkaji di dalam melaksanakan PK di dalam bilik darjah selama 8 kali pengajaran yang mengambil masa selama dua bulan.

1.6.2 Kepentingan Kaedah PK dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Kaedah PK adalah satu kaedah yang melibatkan interaksi sesama ahli kumpulan yang mana ianya akan mewujudkan suasana dan sifat yang positif seperti saling bekerjasama, hormat menghormati di antara satu sama lain dan sentiasa berlapang dada di dalam membantu ahli kumpulan yang lemah. Maka banyak kajian yang dilakukan bagi menyatakan kepentingan kaedah PK dalam meningkatkan pencapaian murid di dalam P&P yang dijalankan.

Dalam proses P&P yang dijalankan juga terdapat pelbagai kaedah dan teknik yang perlu digunakan oleh guru untuk menarik minat murid seterusnya menjadikan P&P lebih berkesan. Salah satunya ialah menggunakan kaedah PK di mana terdapat beberapa model PK yang telah diperkembangkan dalam P&P, misalnya Jigsaw, Teams-Games-Tournaments (TGT) atau Kumpulan Pertandingan Permainan, Students Teams Achievement Division (STAD) atau dikenali Kumpulan Pembahagian Pencapaian

Murid, Belajar Bersama (Learning Together), Permainan Panggil Nombor (Numbered Heads), Putaran Giliran (Round Robin), Meja Bulat (Round Table) dan sebagainya (Kagan, 1994).

Berdasarkan Sharon & Slavin (1989) dalam Zakaria Kassim (2003) menyatakan PK meninggalkan pelbagai kesan yang dapat dikenal pasti seperti lebih bekerjasama, saling meningkatkan harga diri dan menyayangi sekolah. Kajian yang dijalankan menunjukkan murid yang belajar secara koperatif lebih bekerjasama dan saling bergantungan antara satu sama lain berbanding kaedah pembelajaran secara individu. Setelah dapat bekerjasama dalam kumpulan mereka juga akan saling menerima dan bertukar-tukar pendapat di antara satu sama lain. Perhubungan dengan individu akan mewujudkan persahabatan tanpa mengira kaum dan kedudukan. Seterusnya murid akan merasakan diri mereka diterima dan dihargai oleh rakan-rakan. Harga kendiri mereka akan meningkat dan secara tidak langsung mereka akan lebih menyayangi sekolah dan berminat untuk belajar.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Ng Kim Choy (1999) dalam rencana bertajuk *Perbezaan Pembelajaran Kolaboratif dan Pembelajaran Koperatif* mendefinisikan PK adalah merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama (Slavin, 1982). Di dalam rencana ini, beliau juga menyatakan kepentingan kaedah P&P menggunakan strategi koperatif seperti ganjaran diberi kepada individu dan kumpulan dalam pelaksanaan kaedah ini.

Pengkaji mendapati kaedah yang sama digunakan oleh guru perdagangan yang mengajar aspek simpan kira. Ini berdasarkan Laporan Jemaah Nazir (Halimah, 1992),

kaedah yang berbentuk tradisional itu juga dipraktikkan di dalam kelas prinsip akaun. Walaupun kaedah tradisional yang menekankan pengajaran secara kuliah berupaya menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan lebih banyak tetapi kaedah ini dikritik kerana ia menjadikan murid pasif dan tidak mengambil kira keperluan murid yang berbeza dari segi tahap kebolehan (Mok Soon Sang, 1997). Kajian ini jelas dinyatakan mengenai kepentingan P&P secara koperatif terhadap murid berbanding kaedah pengajaran secara tradisional.

Harste dalam Mahzan Arshad (2003), berpendapat bahawa manusia tidak mengetahui sesuatu perkara dengan sendirinya. Segala pengetahuan adalah hasil daripada penggabungan pengetahuan dengan orang lain yang kita kenali serta dapat membezakan apa yang kita tahu dengan apa yang orang lain tahu. Apabila guru memberi peluang kepada murid melakukan aktiviti interaksi dalam kelas lebih banyak pembelajaran berlaku. Dalam hal ini, kanak-kanak belajar apabila mereka terlibat dengan aktiviti budaya dan sosial di sekeliling mereka. Interaksi dengan orang lain di persekitaran mereka terutamanya ibu bapa dan rakan sebaya akan membantu mereka dalam proses perkembangan (Vygotsky, 1978 dalam Roselan Baki, 2003). Hasil daripada interaksi dengan orang lain, kanak-kanak belajar untuk memahami sesuatu atau mula mendapat pengetahuan. Pengetahuan itu yang akan menjadi pengalaman yang membantu dalam proses pembelajaran.

Seterusnya Zakaria Kassim (2003) bersetuju bahawa kaedah PK dapat mengendalikan murid melaksanakan tugas-tugas secara bersemuka. Kaedah PK juga mendorong murid berinteraksi dan berkomunikasi dengan rakan sebaya secara harmoni. Dengan cara demikian, kaedah PK berjaya memupuk nilai-nilai murni seperti kejujuran, bekerjasama, saling menghormati, bertanggungjawab, bertolak-ansur,

berperikemanusiaan, sanggup berkorban, sepakat dan berinisiatif. Pelaksanaan tugas secara berkumpulan juga dapat menumpukan perlakuan dan keyakinan diri murid.

Tok Hoon Seng (2006) dalam kajiannya yang bertajuk *Cooperative Learning And Achievement In English Language Acquisition and A Literature Class In A Secondary School*, menyatakan bahawa PK adalah satu usaha untuk mengelompokkan murid yang terdiri daripada pelbagai kebolehan ke dalam kumpulan kecil demi menuju ke arah sasaran umum. Pernyataan tersebut diperkuatkan lagi dengan dapatan kajian oleh oleh Siti Hajar Abd Hamid (2007) dalam kajiannya yang bertajuk *Pembelajaran Koperatif Menggunakan E-Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Yang Mengambil Subjek Telekomunikasi Dan Rangkaian*. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan kaedah pembelajaran secara koperatif dapat membantu murid dan guru di sekolah dalam usaha untuk memantapkan strategi P&P mereka.

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Azizi Hj. Yahaya, Intan Sapinas Binti Bahuri (2007) adalah untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi amalan PK di kalangan pelajar tingkatan dua, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gerik, Perak. Responden kajian terdiri daripada 132 orang pelajar tingkatan dua MRSM Gerik, Perak. Instrumen yang telah digunakan di dalam kajian ini adalah satu set soalan soal selidik. Hasil kajian, mendapatkan bahawa faktor rakan sebaya adalah merupakan faktor yang paling dominan terhadap amalan PK di kalangan pelajar tingkatan dua tersebut. Dapatkan kajian di atas nampaknya selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Normah (2000) yang melaksanakan kajian etnografi untuk melihat pelaksanaan PK dalam matapelajaran geografi di sebuah sekolah di Kuala Lumpur. Respondan yang ditemubual oleh mereka bersetuju bahawa kaedah PK dapat mewujudkan interaksi yang positif di samping meningkatkan motivasi untuk belajar. Kesan yang positif ini dapat

dilihat semasa berlangsungnya proses P&P di dalam bilik darjah seterusnya dapat meningkatkan pencapaian murid melalui PK.

1.6.3 Pandangan Guru Terhadap Kaedah PK

Walaupun kajian mengenai PK dari berbagai aspek telah banyak mendapat perhatian para penyelidik, namun kajian yang melibatkan persepsi guru dan murid terhadap PK agak kurang dilaporkan. McManus dan Gettinger (1996) telah mengkaji tentang penilaian guru dan murid terhadap PK yang dilaksanakan di dalam kelas mereka melalui kajiannya yang bertajuk *Teacher and Student Evaluations of Cooperative Learning and Observed Interactive Behavior*. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mendapatkan maklumat guru tentang penggunaan dan penilaian terhadap PK serta reaksi murid terhadap bekerja di dalam kumpulan. Selain daripada itu, kajian tersebut juga melibatkan pemerhatian terhadap tingkah laku interaktif sesama murid ketika aktiviti PK berlangsung. Antara dapatan yang diperolehi berdasarkan persepsi guru adalah tentang kandungan pelajaran yang paling banyak melibatkan PK ialah berkaitan dengan pembacaan manakala aktiviti untuk PK yang kerap digunakan adalah dalam bentuk permainan dan ciri PK yang digunakan adalah struktur ganjaran berdasarkan hasil kumpulan. Secara keseluruhannya, PK merupakan satu strategi yang berkesan terutama dalam aspek sosial iaitu interaksi dengan rakan dan kerjasama.

Gan Teck Hock di dalam penulisannya yang bertajuk *Kenali Pembelajaran Koperatif Cintai Pembelajaran Koperatif* secara tidak langsung dapat membantu pengkaji untuk lebih mengenali PK selaku tenaga pengajar. Pengkaji mendapati kertas penulisan tersebut berfokus kepada pengalaman pembelajaran beliau yang mempunyai dua tujuan iaitu menghuraikan beberapa aspek utama tentang PK sebagai satu kaedah

pengajaran dan mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong beliau mendalami ilmu dalam bidang PK. Beliau berpendapat pengajaran sebaya memainkan peranan yang penting dalam PK dan guru tidak perlu menjadi pakar sebelum boleh mengajar PK kepada rakan-rakan pendidik yang lain.

Melalui kajian yang dilakukan oleh Azizi Hj. Yahaya, Ahmad Johari Sihes dan Shahzalina Ghazali di dalam kajiannya bertajuk *Amalan Pembelajaran Koperatif di Kalangan Guru-Guru Mata Pelajaran Teknik dan Vokasional Di Tiga Buah Sekolah Teknik Di Selangor* mendapati guru-guru matapelajaran teknik dan vokasional mempunyai sikap yang baik terhadap PK dan sikap bukan menjadi faktor menjelaskan pengamalan PK di sekolah. Subjek kajian adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran teknik dan vokasional.

Faridah Hanim (2003), turut menjalankan kajiannya terhadap empat orang guru matematik di sebuah Sekolah Menengah. Secara spesifik, kajian ini meneroka faktor-faktor yang mendorong guru matematik mengamalkan PK di samping mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh mereka. Hasil kajian mendapati lima faktor yang mempengaruhi guru matematik mengamalkan PK ialah murid, guru, kemudahan fizikal, kumpulan sokongan dan budaya sekolah. Terdapat tujuh masalah yang telah dikenal pasti menyulitkan pelaksanaan PK iaitu melibatkan murid, guru, masa, kaedah P&P, pengurusan bilik darjah, latihan dan kandungan pelajaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru matematik mempunyai pengetahuan yang sederhana mengenai pelaksanaan PK dalam pengajaran bilik darjah masing-masing. Antara kaedah yang kerap digunakan oleh mereka ialah kaedah berstruktur,

Jigsaw dan TGT. Hampir kesemua elemen dalam PK diterapkan dalam P&P kecuali kemahiran sosial dan refleksi kumpulan.

1.6.4 Ciri-ciri dan Elemen PK

Pengkaji menjalankan kajian untuk melihat sejauhmana keberkesanan PK melalui P&P di dalam kelas serta memastikan ciri-ciri serta elemen yang perlu wujud di dalam PK. Melalui tinjauan kajian berkaitan mendapati Coelho (1994) telah membincangkan mengenai penggunaan PK di dalam kelas dan menyenaraikan ciri-ciri yang perlu untuk menjayakan kerja berkumpulan. Ciri-ciri yang dinyatakan tersebut dapat menjadi garis panduan kepada pengkaji di dalam menjalankan PK di dalam bilik darjah. Ciri yang pertama adalah dari segi pembentukan dan pengurusan kumpulan di mana PK mempunyai panduan tertentu dalam penentuan saiz kumpulan, pemilihan ahli kumpulan dan aspek teknikal yang lain berkaitan dengan menguruskan kumpulan kecil.

Manakala ciri kedua adalah berkaitan reka bentuk tugas iaitu adanya struktur tugas yang tertentu bagi memastikan penglibatan kesemua murid dan proses pembelajaran berlaku. Lanjutan daripada itu, PK perlu mempunyai penilaian bagi hasil kerja setiap ahli kumpulan. Seterusnya ciri ketiga adalah penekanan komponen sosial iaitu dari segi kemahiran bekerja di dalam kumpulan, cara berinteraksi secara lisan dan bukan lisan dan penilaian untuk keberkesanan bekerja di dalam kumpulan.

Manakala terdapat 5 elemen yang perlu dipegang dalam kaedah PK (Johnson dan Johnson, 1994). Antaranya ialah ahli-ahli saling bergantung secara positif di mana setiap ahli kumpulan mesti sedar bahawa mereka mempunyai kaitan dengan orang lain

dan usaha untuk melakukan sesuatu tidak akan berjaya jika usaha tidak dilakukan bersama. Setiap ahli kumpulan harus sedar mereka saling bergantung dalam melaksanakan beban tugas yang diberikan. Sehubungan itu, interaksi bersemuka juga merupakan salah satu elemen yang terdapat dalam kaedah PK. Dalam elemen ini, setiap ahli perlu berkomunikasi secara bersemuka, membuat kerja bersama dan menunjukkan kesungguhan untuk berkongsi maklumat dan berbincang dalam melaksanakan dan menyempurnakan tugas dan mencapai matlamat kumpulan.

Rasa tanggungjawab untuk menyiapkan tugas antara ahli kumpulan juga terkandung dalam elemen yang perlu ada di dalam PK. Setiap kumpulan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri dan mesti mempunyai kesedaran untuk bekerjasama dan meyumbang tenaga untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan sempurna. Setiap orang dalam kumpulan harus belajar dan terlibat secara aktif untuk membantu kumpulannya berjaya (Jacobs, 1995).

Seterusnya, kemahiran sosial juga merupakan elemen yang perlu diberi penekanan yang berfungsi secara berkesan dalam kumpulan. Kemahiran sosial penting kerana tanpa kemahiran sosial, ahli kumpulan akan menghadapi kesukaran dalam melaksanakan aktiviti kumpulan. Antara kemahiran sosial yang harus ditekankan kepada ahli kumpulan ialah aspek kepimpinan, saling percaya, kemahiran komunikasi, membuat keputusan dan sebagainya.

Elemen yang terakhir ialah pemprosesan kumpulan di mana tugas perlu dilakukan secara muafakat dan keputusan yang dibuat adalah hasil persetujuan bersama. Setiap ahli harus saling bantu-membantu, membuat keputusan bersama dan berusaha membuat pembaikan dalam tugas. Dalam hal ini, guru dan murid harus

berupaya membuat refleksi terhadap sejauhmana proses P&P telah berjaya (Kagan,1994).

Melalui kajian literatur yang dijalankan, pengkaji dapat membuat rumusan di mana PK dilihat sebagai satu kaedah atau strategi yang sesuai digunakan dan diperlukan di dalam proses P&P di mana ianya turut diberi perhatian oleh pengkaji di kebanyakan negara-negara di serata dunia. Kajian literatur tersebut turut membantu pengkaji di dalam membantu membentuk objektif kajian iaitu yang pertama bagi mengenalpasti perbezaan skor murid dalam ujian pra dan pasca sebelum didedahkan dengan kaedah PK dan selepas didedahkan dengan kaedah PK. Manakala objektif kedua adalah untuk mengenalpasti kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina dan objektif yang ketiga adalah untuk mengenalpasti sejauhmana amalan PK dapat meningkatkan minat murid terhadap Bahasa Arab.

Walaupun fokus utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat sejauhmana keberkesanan PK di dalam pengajaran bahasa Arab program j-QAF seperti kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini, namun kekuatan kajian yang akan dijalankan ini dilihat melalui objektif yang ingin dicapai oleh pengkaji sudah semestinya berlainan dengan kajian-kajian terdahulu terutamanya dari segi latar belakang kajian di mana instrumen yang akan dijalankan oleh pengkaji pertamanya melibatkan ujian pra dan pos bagi melihat skor pencapaian murid keseluruhannya setelah melalui kaedah PK di mana data yang diperolehi daripada markah ujian tersebut dianalisis dengan menggunakan SPSS (Special Package in Sosial Science).

Keduanya pengkaji menjalankan pemerhatian bagi melihat perbezaan pencapaian murid di antara jantina dalam proses P&P menggunakan kaedah PK di mana pengkaji

ingin mengetahui adakah murid lelaki atau perempuan yang lebih berpencapaian baik setelah melalui kaedah pembelajaran PK dan objektif kajian seperti ini tidak terdapat dalam kajian literatur yang dijalankan oleh pengkaji. Seterusnya pengkaji turut menilai melalui pemerhatian yang dijalankan iaitu kekerapan kesediaan murid menjawab soalan yang diajukan serta kekerapan tingkah laku mereka melakukan aktiviti lain ketika P&P dijalankan dengan kata lain tidak menumpukan sepenuhnya perhatian ketika di dalam bilik darjah. Manakala data yang diperolehi daripada pemerhatian di dalam kelas pengajaran dianalisis secara manual untuk membandingkan tingkah laku murid semasa P&P dijalankan.

Setelah itu, soal selidik turut diberikan kepada murid di akhir proses pembelajaran bagi melihat sejauhmana amalan PK dapat meningkatkan minat dan juga pencapaian murid di dalam matapelajaran bahasa Arab. Instrumen yang dijalankan tersebut mengukuhkan lagi data yang diperolehi dan menjawab kepada persoalan kajian bagi penulisan ini dan data yang diperolehi turut dianalisis dengan menggunakan SPSS.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini menumpukan mengenai strategi pembelajaran khusus untuk murid tahun 6 yang beragama Islam dan sedang mengikuti program Bahasa Arab program j-QAF di sekolah yang terpilih dengan menggunakan kaedah PK di dalam proses P&P Bahasa Arab. Pengumpulan maklumat dan data kajian dijalankan di salah sebuah Sekolah Rendah di daerah Kinta, Perak yang akan melibatkan sampel seramai 20 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan yang terdiri dari kelas yang sama. Rasional sampel dipilih adalah kerana murid tahun enam adalah merupakan perintis awal kepada bermulanya program j-QAF di sekolah rendah yang terpilih dan terlibat di dalam

pembelajaran Bahasa Arab program j-QAF semenjak di tahun 1 iaitu ketika awal program ini ditubuhkan. Justeru penerimaan dan peningkatan penguasaan pembelajaran Bahasa Arab di kalangan murid tahun 6 dapat dilihat dari awal mereka memulakan sesi pembelajaran di dalam kelas sehingga kini. Secara tidak langsung, ianya akan memudahkan pengkaji di dalam menjalankan kajian ini.

Dalam kajian ini, pengkaji turut menumpukan kepada aspek sosial iaitu interaksi dengan rakan dan kerjasama yang menjadi ciri utama PK yang mana berupaya meningkatkan kemampuan murid di dalam aspek komunikasi. Seterusnya memastikan sejauhmana tahap penguasaan dan peningkatan minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Arab melalui PK berdasarkan modul pengajaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, KPM manakala penglibatan guru adalah secara tidak langsung dan sukarela untuk melibatkan diri di dalam kajian ini.

1.8 Bidang Kajian

Linguistik terapan merupakan bidang kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Melalui kajian yang akan dijalankan, pengkaji cuba mengetengahkan penggunaan kaedah atau strategi PK di dalam proses pengajaran yang dijalankan di bilik darjah yang mana mampu menyelesaikan masalah pembelajaran Bahasa Arab dan meningkatkan minat juga interaksi sesama murid dapat berjalan dengan baik.

1.9 Rangka Kajian

Kajian yang akan dijalankan dibahagikan kepada lima bab utama yang mana setiap bab mengandungi bahagian-bahagian tertentu. Secara umumnya penulisan ini dibahagikan seperti berikut:

1) BAB 1 : PENGENALAN

Bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang akan dijalankan. Ianya akan membincangkan pengenalan tajuk kajian, latarbelakang kajian, penyataan masalah bagi kajian ini diperjelaskan beserta dengan persoalan, objektif, kepentingan, kajian penyelidik tempatan berkaitan pembelajaran koperatif, batasan kajian dan seterusnya rangka kajian.

2) BAB 2 : LANDASAN TEORI

Landasan teori akan membincangkan mengenai konsep dan teori yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Bagi menjelaskan beberapa perkataan dan konsep yang digunakan dalam kajian ini, pengkaji akan menghuraikan perkataan dan konsep tersebut berpandukan beberapa rujukan yang sah dan diiktiraf.

3) BAB 3 : METODOLOGI DAN PROSEDUR KAJIAN

Pengkaji menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif berdasarkan bentuk data yang diperolehi daripada instrumen kajian yang ditetapkan iaitu melalui ujian bertulis pra dan pos, seterusnya menjalankan pemerhatian berstruktur sepanjang kajian dijalankan dan juga memberikan set soal selidik kepada murid yang terlibat.

4) BAB 4 : ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

Bab ini mengandungi perbincangan mengenai data dan dapatan kajian yang dijalankan ke atas respondan kajian menerusi ujian bertulis pra dan pos, melalui pemerhatian berstruktur yang dijalankan sepanjang sesi PK dan set soal selidik yang diberikan kepada murid yang terlibat di akhir proses P&P dijalankan.

5) BAB 5 : KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

Di dalam bab yang terakhir ini, pengkaji akan membuat rumusan hasil daripada kajian yang dijalankan. Beberapa saranan dan cadangan akan dikemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan lagi prestasi murid di dalam mata pelajaran Bahasa Arab melalui PK.

1.10 Penutup

Melalui bab ini, pengkaji mendapati PK telah menjadi salah satu pembaharuan dalam bidang pendidikan masa kini bagi membantu murid untuk lebih memahami isi pembelajaran. Asas PK adalah untuk menggalakkan murid belajar bersama-sama dengan berkesan melalui pembentukan kumpulan dan seterusnya mereka dapat berkerjasama di antara satu sama lain untuk mencapai matlamat P&P.

BAB 2

LANDASAN TEORI

2.0 Pendahuluan

Landasan teori akan membincangkan mengenai konsep dan teori yang berkaitan bagi menjelaskan beberapa perkataan dan konsep yang digunakan dalam kajian ini. Seterusnya pengkaji akan menghuraikan perkataan dan konsep tersebut berpandukan beberapa rujukan yang sah dan diiktiraf.

2.1 Konsep Pembelajaran Koperatif (PK)

Secara umumnya, PK merupakan satu strategi P&P yang menggunakan kumpulan-kumpulan kecil murid bagi memberi peluang berinteraksi sesama mereka di dalam proses pembelajaran. Slavin (1982) berpendapat rasional di sebalik PK adalah murid akan bersedia membantu rakan sekumpulan sekiranya mereka ingin kumpulan mereka berjaya. Selain daripada itu, rakan sebaya dikatakan berupaya menggunakan bahasa yang mudah difahami semasa menerangkan konsep yang sukar. Menurut pandangan beliau juga, kumpulan perbincangan, kumpulan projek, kumpulan makmal, dan pengajaran oleh rakan sebaya merupakan contoh-contoh PK yang sedia ada.

Menurut Effandi Zakaria (1998), PK adalah suatu strategi pengajaran di mana murid saling membantu di antara satu sama lain di dalam kumpulan kecil yang mempunyai matlamat bersama. Pembahagian murid ke dalam kumpulan kecil memudahkan guru-guru sewaktu proses P&P.

Walau bagaimanapun, Slavin berpendapat PK hanya berkesan apabila ia mempunyai tiga ciri iaitu ganjaran kumpulan, tanggungjawab individu dan peluang yang sama untuk berjaya. Murid akan diberikan ganjaran apabila kumpulan mereka mencapai sesuatu kriteria tertentu tanpa ada sebarang persaingan antara sesama kumpulan. Ganjaran kumpulan menjadikan murid lebih bermotivasi untuk melibatkan diri di dalam aktiviti berkumpulan.

Kajian yang dilakukan oleh Ng Kim Choy (1999) mendefinisikan PK adalah merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai satu matlamat yang sama (Slavin, 1982). Sasaran adalah tahap pembelajaran yang maksimum bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi juga untuk rakan-rakan yang lain. Lima unsur atau elemen asas dalam PK adalah saling bergantung antara satu sama lain secara positif, saling berinteraksi secara bersemuka, akauntabiliti individu atas pembelajaran diri sendiri, kemahiran koperatif, dan pemprosesan kumpulan. Di dalam kajiannya, beliau turut menyatakan kepentingan kaedah P&P menggunakan strategi koperatif seperti ganjaran diberi kepada individu dan kumpulan dalam pelaksanaan kaedah ini. Individu dalam kumpulan dikehendaki menunjukkan kefahaman masing-masing dan memainkan peranan berbeza bergilir-gilir. Kemahiran sosial dan pemprosesan kumpulan juga digalakkan.

Menurut Johnson, Johnson dan Holubec (1990), Slavin (1991), PK mula mendapat perhatian para pendidik apabila timbulnya kesedaran betapa pentingnya pendidikan di sekolah menyerupai suasana sebenar alam pekerjaan yang banyak mementingkan aktiviti koperatif. PK akan menggalakkan interaksi antara manusia berlandaskan prinsip artikulatif dan kemahiran meyakinkan ahli kumpulan. Kegiatan ini akan akhirnya menambah kefahaman dan pengekalan ingatan.

Sebaliknya Johnson dan Johnson (1994) menegaskan bahawa kumpulan belajar, kumpulan projek, kumpulan makmal dan kumpulan-kumpulan kecil yang lain tidak semestinya berbentuk koperatif. Ini kerana kumpulan koperatif perlu menepati lima ciri yang digariskan iaitu saling bergantung positif yang mana pelajar mesti bekerjasama di dalam satu kumpulan untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Ciri kedua adalah tanggungjawab individu dan kumpulan yang memerlukan sumbangan daripada ahli kumpulan untuk mencapai matlamat di dalam pembelajaran. Seterusnya adalah menggalakkan interaksi, sebaik-baiknya secara bersemuka. Melalui itu, murid saling tolong menolong dan memberi galakan di antara satu sama lain. Ciri keempat adalah menyediakan murid dengan kemahiran bersosial dan kemahiran untuk bekerja secara berkumpulan. Kedua-dua kemahiran ini penting bagi membolehkan sesuatu kumpulan berfungsi dengan baik. Ciri terakhir adalah berkaitan dengan penilaian kumpulan, iaitu ahli kumpulan berbincang dan menganalisis setakat mana kumpulan mereka mencapai matlamat yang dikehendaki.

Abrami et al. (1995) membezakan PK dengan pembelajaran tradisional dari segi saling bergantung positif antara murid, kerjasama untuk mencapai matlamat yang sama, wujud interaksi dua hala antara murid dan peranan guru sebagai pemudah cara ketika kerja berkumpulan.

Berdasarkan pandangan-pandangan yang diberikan itu, dapat dirumuskan bahawa antara ciri-ciri PK adalah penggunaan kumpulan kecil di dalam suasana pembelajaran yang terancang, wujudnya ciri-ciri yang menggalakkan murid bekerjasama, berinteraksi dan mempunyai sifat bertanggungjawab. Namun begitu terdapat juga perbezaan di antara ciri-ciri yang ditekankan seperti ganjaran kumpulan dan kepentingan kemahiran sosial. Ini disebabkan perlaksanaan sesuatu PK itu berdasarkan teori yang berbeza.

2.2 Metod Pembelajaran Koperatif

PK mempunyai pelbagai metod yang sesuai untuk dijalankan ketika proses P&P di dalam kelas. Slavin, R. E. (1982) di dalam penulisannya yang bertajuk *Cooperative learning; Student teams. What research says to the teacher* menyenaraikan metod yang dapat membantu guru semasa proses PK dijalankan ke atas murid. Berikut adalah metod-metod di dalam P&P menggunakan kaedah PK:

1) Jigsaw

LANGKAH 1 : Bentuk kumpulan asal dan setiap orang ahli mendapat satu helai lembaran pakar yang berlainan.

LANGKAH 2 : Bentuk kumpulan pakar (pelajar-pelajar yang mempunyai lembaran pakar yang sama) dan setiap kumpulan belajar bahan kepakaran masing-masing.

LANGKAH 3 : Pakar-pakar kembali ke kumpulan asal untuk mengajar rakan-rakan sekumpulan.

LANGKAH 4 : Ahli-ahli kumpulan asal gunakan maklumat dari semua lembaran pakar untuk menyelesaikan tugas bersama.

2) Student Teams-Achievement Divisions (STAD)

LANGKAH 1 : Guru mengajar seperti biasa.

LANGKAH 2 : Pelajar-pelajar belajar bahan yang diajar oleh guru secara berkumpulan.

LANGKAH 3 : Semua pelajar mengambil ujian pendek tentang bahan yang dipelajari.

LANGKAH 4 : Skor kemajuan bagi setiap orang pelajar dihitung berdasarkan skor kemajuan.

$$\text{Skor Asas} = (\text{Purata Ujian-Ujian Lepas}) - 10$$

$$\text{Skor Kemajuan} = \text{Skor Ujian} - \text{Skor Asas}$$

LANGKAH 5 : Skor kumpulan dihitung dengan menjumlahkan skor kemajuan setiap orang ahli dalam kumpulan. Walau bagaimanapun, markah maksimum yang boleh disumbangkan oleh seseorang pelajar ialah 20 dan minimunnya ialah 0. Pelajar yang memperolehi markah penuh (100%) akan mendapat skor kemajuan maksimum, iaitu 20 markah.

LANGKAH 6 : Kumpulan juara diumumkan.

3) Teams-Games-Tournaments (TGT)

LANGKAH 1 : Guru mengajar seperti biasa.

LANGKAH 2 : Pelajar belajar dalam dalam kumpulan heterogen.

LANGKAH 3 : Pelajar pergi ke meja pertandingan masing-masing untuk bertanding. Setiap meja pertandingan terdiri daripada seorang pelajar dari setiap kumpulan yang sama tahap pencapaian. (Rujuk Prosedur Pertandingan TGT di bawah).

LANGKAH 4 : Semua pelajar kembali ke kumpulan masing-masing. Markah setiap orang pelajar dijumlahkan untuk mendapat skor kumpulan.

LANGKAH 5 : Guru mengumumkan kumpulan juara.

Berikut adalah Prosedur Pertandingan TGT :

- Kad-kad soalan, kad-kad jawapan, dan kad-kad markah diletak di bahagian tengah meja pertandingan. Setiap orang pelajar mengambil tiga keping kad markah sebagai bonus untuk memulakan pertandingan.
- Secara bergilir-gilir, pelajar-pelajar menjadi "pembaca" dan "pencabar" untuk meneruskan pertandingan seperti yang diuraikan di bawah:

PEMBACA

1. Ambil satu keping kad soalan.
2. Baca soalan itu dengan nyaring.
3. Cuba jawab soalan.

PENCABAR PERTAMA

Mencabar jawapan pembaca dengan memberi jawapan lain yang berbeza atau 'pass'.

PENCABAR KEDUA

1. Mencabar jawapan pembaca serta jawapan pencabar pertama dengan memberi jawapan lain yang berbeza atau 'pass'.
2. Semak kad jawapan setelah semua pelajar telah memberi jawapan atau 'pass'.
 - Murid yang memberi jawapan betul akan mendapat sekeping kad markah.
 - Jika pembaca memberi jawapan salah, tiada dendaan dikenakan ke atasnya tetapi jika pencabar memberi jawapan yang salah, dia akan didenda dengan memulangkan sekeping kad markah dan tidak dibenarkan lagi mencabar.

4) Think-Pair-Share

LANGKAH 1 : Guru kemukakan soalan.

LANGKAH 2 : Pelajar memikirkan jawapan secara individu.

LANGKAH 3 : Pelajar berkongsi jawapan dalam pasangan.

LANGKAH 4 : Pelajar berkongsi jawapan dengan kelas.

5) Numbered Heads Together

LANGKAH 1 : Setiap orang pelajar dalam setiap kumpulan diberikan satu nombor.

LANGKAH 2 : Guru kemukakan soalan.

LANGKAH 3 : Semua pelajar dalam setiap kumpulan berbincang bersama untuk mencari jawapan kepada soalan guru.

LANGKAH 4 : Guru panggil satu nombor. Semua pelajar nombor berkenaan dari setiap kumpulan menjawab soalan guru tadi.

6) Isyarat Senyap

Pada bila-bila masa, bila guru berdiri dan mengangkatkan tangan dalam kelas, semua murid dikehendaki melakukan empat perkara berikut dengan secepat yang mungkin iaitu mengangkat tangan, berhenti bercakap, mengingatkan kawan dan fokus pada guru.

2.3 Pembelajaran Koperatif Sebagai Satu Strategi / Kaedah Pembelajaran

Dalam konteks masyarakat Malaysia terutamanya masyarakat melayu, konsep bekerjasama telah lama diamalkan. Masyarakat melayu seringkali melakukan sesuatu kerja secara bersama, tolong menolong antara satu sama lain. Malah konsep gotong royong telah digunakan dalam sistem pendidikan masyarakat melayu masa lampau. Anak-anak murid sering bekerjasama belajar bersama-sama, yang pandai dan yang cerdik akan membantu murid-murid yang lemah (Ismail Said,2009).

Konsep musyawarah (perbincangan) juga telah lama diperkenalkan sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W yang mana ianya menekankan konsep perbincangan dan bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Ini dapat dikaitkan dalam kaedah

PK di mana murid belajar dan mempunyai matlamat yang sama untuk mencapai kejayaan dan saling mengamalkan elemen bergantungan positif antara satu sama lain.


Davidson dan Kroll (1991) mendefinisikan PK sebagai pembelajaran yang berlaku dalam persekitaran iaitu murid berkongsi idea dan bekerja secara kolaboratif bagi menyiapkan tugas akademik.

Manakala Baloche (1998) berpendapat, perbincangan boleh menggalakkan pengulangan maklumat dan penjelasan serta menghasilkan idea-idea yang bertentangan secara bersemuka dan ini meningkatkan pengekalan maklumat, pemahaman dan penyepaduan pelbagai pendapat. Seterusnya, perbincangan memberi peluang kepada seseorang untuk mendapat maklumbalas, sokongan dan galakan daripada rakan-rakan. Kolaborasi antara murid juga menggalakkan pertukaran idea dan dapat meluahkan pemikiran secara lisan.

Strategi PK merupakan satu proses pembelajaran yang berlaku secara berkumpulan dalam menguasai bahan pengajaran yang diberikan oleh guru (Slavin, 1990). Cohen (1994) menakrifkan PK sebagai kerjasama yang dilakukan oleh murid dalam satu kumpulan kecil yang melibatkan semua ahli di dalam tugas yang diberikan tanpa penyeiliaan guru secara langsung.

Sewaktu mengendalikan kaedah PK di bilik darjah, guru haruslah memastikan terdapat 'eye contact' di antara setiap ahli kumpulan, kedudukan setiap ahli mengizinkan perbincangan terus dan selesa dan tidak mengganggu kumpulan lain (rujuk rajah 2.1).

Di samping itu guru harus memastikan setiap murid mengambil dan mendapat bahan pembelajaran yang diagihkan kepada kumpulannya. Jika dirancang dengan baik dan teliti, PK akan lebih baik, menarik kerana setiap murid akan bekerjasama memberi penerangan dan penjelasan kepada ahli-ahli kumpulan secara aktif dan bukan bertindak sebagai penerima yang pasif. Murid juga akan bekerja sebagai satu pasukan dan guru tidak lagi menjadi pusat pemerhatian semasa aktiviti kumpulan dijalankan, (Mahadi 1996).



Rajah 2.1: Kedudukan Murid dalam Kumpulan PK

Menurut Coelho (1994), selain daripada pencapaian akademik, kaedah ini dikatakan menekankan pembangunan kemahiran sosial dan diasaskan mengikut pandangan humanistik yang berpendapat pendidikan sepatutnya berpusatkan murid dan di bawah kawalan murid, manakala guru hanya sebagai pembimbing dan pemudah cara. Davidson dan Kroll (1991) mendefinisikan PK sebagai pembelajaran yang berlaku dalam persekitaran yakni murid berkongsi idea dan bekerja secara kolaboratif bagi menyiapkan tugas akademik.

Manakala Johnson, J., & Anderson, D. (1976) telah mendefinisikan PK sebagai satu kaedah yang memerlukan murid belajar bersama-sama dalam menyiapkan satu tugas bagi setiap kumpulan. Ahli kumpulan akan saling bantu-membantu memberi penerangan sesama mereka dan tidak bergantung kepada guru. Guru akan memberikan puji ke atas kumpulan yang menunjukkan hasil kerja yang memuaskan.

Di dalam kajian yang lain pula, Johnson, D.W. & Johnson, R.T, & Scott (1978) mentakrifkan PK dengan membezakannya dengan kaedah pembelajaran individu. PK berlaku apabila pencapaian seorang pelajar bergantung kepada pencapaian rakan sekumpulan. Sebaliknya di dalam pembelajaran individu, pencapaian seorang pelajar tidak bergantung kepada pencapaian pelajar lain.

Di dalam PK, interaksi sesama pelajar diberi tumpuan di dalam proses pembelajaran (Sharan, 1980; Slavin, 1987; Webb, 1989). Secara umumnya para sarjana melihat PK sebagai satu strategi pembelajaran berkumpulan yang mana di dalamnya pelajar berinteraksi sesama mereka dan saling bantu-membantu di dalam proses pembelajaran.

Di dalam situasi PK juga, pelajar tidak mudah putus asa di dalam menyelesaikan masalah tugasan di samping lebih bersifat terbuka untuk menerima strategi-strategi alternatif (Duren & Cherrington, 1992).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Robiah (1994), aktiviti P&P yang dapat memenuhi perasaan boleh dilakukan oleh pelajar dan kewujudan proses interaksi sama ada secara formal atau tidak formal dapat mewujudkan proses P&P yang berkesan. Menurut beliau lagi, situasi P&P begini bukan sahaja membolehkan para pelajar memenuhi tanggungjawabnya, malah mewujudkan suasana demokrasi di bilik darjah dan faktor-faktor yang mengganggu P&P seperti masalah disiplin di bilik darjah dapat diminimakan. Sebagai kesimpulannya, perancangan aktiviti pengajaran yang sesuai dan melibatkan pelajar secara aktif dalam P&P adalah merupakan salah satu faktor yang dapat mewujudkan P&P yang berkesan.

Oleh itu, guru bukan sahaja perlu mempunyai pengetahuan baik mengenai Bahasa Arab, mempunyai kelayakan ikhtisas, berdedikasi, berpengetahuan di dalam bidang psikologi, sosiologi, ilmu pengurusan bilik darjah, berupaya mengaplikasi teori-teori pembelajaran tetapi juga perlu mahu dan cekap menggunakan dan mengaplikasikan pelbagai teknik dan pendekatan pelajaran agar mudah difahami (Abd. Rahim, 1998). Dengan itu, guru Bahasa Arab harus bersedia mengubah paradigma P&P yang bercorak sehala kepada yang melibatkan murid secara aktif di dalam P&P dengan menggunakan kaedah koperatif.

2.4 Teori Berkaitan Pembelajaran Koperatif

Setelah membuat rujukan mengenai PK, terdapat empat teori yang telah dikemukakan bagi mendorong murid berinteraksi sesama ahli kumpulan iaitu:

1) Teori Kohesif Sosial

Berdasarkan pandangan teori kohesif sosial (Slavin, 1996), hubungan yang erat antara ahli kumpulan akan mendorong murid untuk saling tololong dalam proses pembelajaran. Aktiviti yang diberi penekanan adalah aktiviti yang memupuk hubungan yang baik dan mewujudkan kepercayaan sesama ahli dan terdapat suasana yang memberi peluang kepada ahli untuk menilai keberkesanan kumpulan mereka.

Teori ini juga mencadangkan murid akan berinteraksi apabila mereka mengenali rakan sekumpulan dan mengambil berat antara satu sama lain. Penekanan yang diberi adalah mewujudkan hubungan yang rapat sesama ahli kumpulan. Maka aktiviti bagi mengeratkan hubungan ahli kumpulan dan penilaian diri dalam kumpulan dititikberatkan. Bagi teori kohesif sosial, tugas yang mencabar sudah cukup untuk menarik minat murid menyelesaikan tugas secara berkumpulan. Maka ganjaran kumpulan dan tanggungjawab individu tidak dipentingkan.

2) Teori Tingkah Laku

Slavin (1983) mengkelaskan struktur tugas di dalam PK kepada dua jenis iaitu kumpulan belajar dan pengkhususan tugas. Manakala struktur ganjaran pula dikategorikan kepada tiga bentuk iaitu ganjaran yang diberikan kepada individu berdasarkan pencapaian individu tersebut, ganjaran yang diberikan kepada kumpulan berdasarkan pencapaian kumpulan dan ganjaran yang diberikan kepada kumpulan berdasarkan pencapaian individu di dalam kumpulan tersebut.

Teori tingkah laku mencadangkan ganjaran adalah perlu sebagai motivasi untuk murid berinteraksi sesama mereka. Bahkan, ganjaran juga perlu untuk mendorong murid mengambil berat antara ahli kumpulan. Struktur ganjaran yang berbentuk koperatif akan mendorong murid merasa penting untuk membantu ahli kumpulan dan memberi sokongan sesama mereka bagi mencapai matlamat kumpulan. Tanpa adanya ganjaran, murid kurang berminat untuk melibatkan diri di dalam aktiviti kumpulan kerana tidak merasakan kepentingan untuk berbuat demikian (Slavin, 1995).

3) Teori Perkembangan Kognitif

Teori perkembangan kognitif menyatakan bahawa interaksi sesama murid yang berkaitan dengan pembelajaran dapat meningkatkan penguasaan konsep-konsep yang penting (Slavin, 1995). Menurut Piaget (Slavin, 1991), di dalam kognitif murid wujud skema yang memberi gambaran tentang bentuk tindakan atau cara berfikir yang digunakan oleh murid di dalam memahami kehidupan mereka.

Semasa berinteraksi, berlaku perubahan di dalam kognitif murid. Teori perkembangan kognitif menyarankan apabila murid berbincang berkaitan dengan bahan pembelajaran, mereka berupaya menguasai konsep-konsep yang sukar. Melalui bimbingan rakan sebaya, pencapaian murid yang berkebolehan rendah dapat ditingkatkan sehingga berupaya mencapai zon perkembangan proksimal mereka. Menurut Vygotsky, zon tersebut merupakan tahap pencapaian pelajar yang hanya boleh dicapai dengan bantuan orang dewasa atau rakan mereka yang lebih berkebolehan. (Tudge, 1990). Piaget (Slavin, 1990) berpendapat konsep-konsep sosial yang abstrak hanya dapat difahami melalui perbincangan. Apabila berlaku pertentangan pendapat, timbul ketidakseimbangan di dalam kognitif murid. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada rakan-rakan, murid tersebut dapat menguasai sesuatu logik dengan alasan yang lebih kukuh.

4) Teori Penerangan Kognitif


Manakala teori penerangan kognitif bermaksud menambahkan maklumat baru dengan mengaitkan maklumat yang sedia ada di dalam memori (Woolfolk, 1995). Teori penerangan kognitif berpendapat murid yang memberi penerangan berupaya mengekalkan maklumat di dalam ingatan mereka dalam jangka masa yang lebih panjang dengan berlakunya proses pengajaran kepada rakan-rakan (Slavin, 1995). Murid yang memberi penerangan melihat diri mereka sebagai guru dan bertujuan untuk membantu rakan memahami pelajaran. Murid tersebut cenderung untuk memikirkan cara yang sesuai bagi mengajar rakan mereka.

Maka, berlaku proses penstrukturkan semula di dalam kognitif murid tersebut ketika membuat persediaan untuk memberi penerangan dan ketika sedang memberi penerangan. Pada masa yang sama, murid yang menerima pertolongan bertindak sebagai pemproses maklumat dan bukan penerima yang pasif (Webb, 1982).

Keempat-empat teori pembelajaran tersebut lebih merupakan pelengkap dalam menerangkan kesan PK ke atas pencapaian. Melalui interaksi sesama murid, berlaku peningkatan di dalam proses kognitif murid yang membantu proses pembelajaran. Bagi mewujudkan suasana berinteraksi, murid perlu saling kenal-mengenali dan perlu ada sesuatu yang mendorong mereka untuk bekerja di dalam kumpulan, sama ada melalui aktiviti mengeratkan hubungan mereka atau pun dengan pemberian insentif.

2.5 Elemen yang Membantu Pembelajaran Koperatif

Pembelajaran yang dilaksanakan secara berkelompok belum tentu mencerminkan pembelajaran koperatif. Secara teknik memang ianya adalah proses pembelajaran bersama, tetapi ianya hanya merupakan pembelajaran yang dilakukan secara bersama dalam waktu yang sama, tetapi tidak mencerminkan kerjasama di antara anggota kumpulan. Maka dalam setiap PK, perkara atau elemen-elemen tersebut perlu diperhatikan (Jonson and Smith, 1991; Anita Lie, 2004). Rajah 2.2 di bawah menunjukkan dengan jelas perkaitan di antara elemen-elemen PK :



Rajah 2.2 : Elemen Penting dalam Kaedah Pembelajaran Koperatif

1) Bergantung Secara Positif (Positive Interdependence)

Keberhasilan PK adalah bergantung kepada usaha setiap ahli kumpulannya. Setiap murid akan bekerjasama untuk mencapai satu matlamat pembelajaran yang sama. Bagi menghasilkan kelompok kerja yang efektif, setiap individu perlu melaksanakan tugas masing-masing bagi mencapai tujuan yang ditetapkan. Di dalam metod Jigsaw, jumlah anggota kumpulan yang disarankan adalah seramai 4 orang yang mana mereka saling bertukar informasi. Seterusnya guru akan menilai setiap individu yang terlibat, dengan cara ini setiap murid akan saling bekerjasama bagi mencapai matlamat pembelajaran yang sama.

2) Tanggungjawab Setiap Individu (Individual Accountability)

Setiap ahli di dalam kumpulan bertanggungjawab untuk belajar dan menyumbang kepada tugas atau aktiviti kumpulan demi kejayaan kumpulan masing-masing. Setiap ahli disedarkan bahawa kejayaan diri mereka bergantung kepada ahli-ahli kumpulan yang lain dan dengan itu, akan memotivasi mereka untuk memastikan setiap ahli kumpulan mencapai prestasi yang baik. Ahli-ahli dalam kumpulan akan dipilih secara rawak untuk menjawab, menerang atau menghujah. Masing-masing dikehendaki untuk menduduki ujian perseorangan tanpa bantuan rakan-rakan sekumpulan dan markahnya akan diambil kira untuk menentukan kejayaan kumpulannya.

Interaksi serentak berlaku bila mana murid bekerja atau terlibat secara serentak dalam kumpulan koperatif mereka. Dalam kelas tradisional, interaksi seperti perbincangan atau persembahan berlaku secara tersusun. Dalam kelas koperatif, perbincangan boleh berlaku di dalam setiap kumpulan pada masa yang sama. Interaksi serentak mempertingkatkan penglibatan aktif setiap murid dan mempertingkatkan potensi belajar setiap murid.

3) Interaksi bersemuka (Face-to face Interaction)

Ahli-ahli kumpulan dapat berdialog atau berbincang dalam kedudukan yang berhampiran di antara satu sama lain dan menunjukkan persefahaman serta kemajuan. Kedudukan mata bertentang mata dapat memberansangkan perkongsian idea ataupun jawapan.

Di samping itu, ia dapat juga memupuk semangat kerjasama dan seterusnya menggalakkan penglibatan aktif setiap ahli. Menurut Johnson, D.W. & Johnson, R.T & Holubec (1990) salah satu disiplin dalam kumpulan koperatif adalah memastikan ahli kumpulan berjumpa secara bersemuka semasa bekerja untuk menyempurnakan tugas dan meraikan kejayaan masing-masing.

4) Kemahiran Sosial (Social Skills)

Schultz (1990) berpendapat, guru harus memberi perhatian kepada pengesanan dan kemahiran sosial, jika guru inginkan kumpulan koperatif yang berjaya. Keberkesanan PK bergantung kepada kemahiran-kemahiran interpersonal individu kerana bekerja dalam kumpulan, bukanlah semudah yang dijangkakan dan kemahiran itu tidak terjadi dengan sendirinya. Kemahiran-kemahiran yang terlibat di dalam PK seperti mengikut giliran, memberi galakan, mendengar, memberikan pertolongan dan meminta pertolongan dan meminta penjelasan dalam nada serta intonasi yang menurut norma-norma masyarakat. Kemahiran ini akan memupuk ciri-ciri kepimpinan, kepercayaan, membuat keputusan dan lain-lain. Murid yang pendiam juga turut berperanan dan mereka akan terus berusaha untuk mempelajari kemahiran sosial. Pemerolehan kemahiran sosial adalah penting dalam menentukan kejayaan hidup.

5) Pemprosesan Kumpulan (Group Processing)

Ahli-ahli kumpulan akan menilai kembali usaha mereka serta kemajuan kumpulan dari segi pencapaian matlamat. Di samping itu, mereka juga akan membuat refleksi tentang kumpulan masing-masing adakah telah berfungsi dengan baik.

Tambahan pula, mereka juga membuat cadangan supaya kumpulan tersebut akan berfungsi dengan lebih efektif lagi. Semasa pemprosesan kumpulan, ahli-ahli boleh mereflek secara individu tentang perjalanan kumpulan mereka pada hari tersebut atau selepas berakhirnya sesuatu aktiviti. Borang penilaian kendiri boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Di samping itu, ahli-ahli juga harus digalakkan untuk mereflek secara berkumpulan.

6) Penglibatan Saksama

Dalam PK, mestilah ada penglibatan saksama, di mana semua murid mesti melibatkan diri secara saksama dan oleh itu setiap murid akan menjadi ahli kumpulan yang aktif dalam proses pembelajaran. Dalam kerja kumpulan yang lain, tidak ada cara untuk memastikan yang setiap murid mendapat peluang yang saksama untuk belajar.

Terdapat kajian yang menyokong peranan elemen ini di dalam proses pembelajaran. Bagi aspek saling bergantung positif, Hwong et.al (1990) dalam Johnson, Johnson dan Smith, (1991) mendapati bahawa interaksi interpersonal sahaja tidak menghasilkan peningkatan pencapaian tanpa saling bergantungan secara positif setiap ahli kumpulan. Kombinasi matlamat dan imbuhan yang saling bergantungan secara positif setiap ahli akan meningkatkan pencapaian berbanding jika kumpulan hanya mempunyai matlamat kumpulan yang saling bergantungan sahaja. Ini bererti keempat-empat unsur saling bergantungan secara positif penting dalam sesuatu kumpulan kecil pembelajaran. Jika unsur ini ada dalam sesuatu kumpulan kecil baru wujud peningkatan pencapaian setiap ahli kumpulan.

Bagi elemen proses dalam kumpulan Desforges (1995), dalam bukunya *An Introduction to teaching* mengatakan bahawa proses dalam sesuatu kumpulan akan meningkatkan kemahiran kognitif dan sosial. Bannet dan Dunne (1992), yang mengkaji mengenai kesan proses kumpulan mendapati penglibatan murid secara koperatif lebih banyak berbanding jika kaedah pengajaran seluruh kelas digunakan. Webb (1989), pula mengatakan proses dalam kumpulan mengandungi elemen memberi dan menerima pertolongan di kalangan ahli kumpulan. Menurut beliau, menerima pertolongan dalam pembelajaran lebih berkesan berbanding menerima jawapan terus sesuatu penyelesaian masalah kerana ia memberi tindak balas seperti yang dikehendaki.

Sebagai kesimpulannya, elemen-elemen yang telah disebutkan di atas penting dalam kaedah PK. Oleh itu keenam elemen yang dibincangkan di atas mesti wujud dan dikenalkan sepanjang aktiviti pembelajaran secara koperatif berlangsung jika hendak mendapatkan kesan penggunaan kaedah PK yang maksimum.

2.6 Definisi Pendidikan Bahasa Arab

Pendidikan menurut Islam merupakan usaha-usaha membaiki diri supaya membentuk sifat-sifat kesempurnaan sebagai manusia beriman, berilmu pengetahuan, berakhhlak mulia dan beramal ikhlas. Dari pandangan tokoh-tokoh Islam, proses pendidikan merupakan penyatuan semua ilmu pengetahuan di bawah Al-Quran yang menjadi teras pendidikan. Menurut pandangan mereka, pendidikan boleh memainkan peranan ke arah mewujudkan keseimbangan antara potensi fizikal, intelek dan rohani manusia.

Berikut adalah pandangan tokoh-tokoh Islam dalam bidang pendidikan seperti yang ditulis oleh Ee Ah Meng (2003). Menurut Mohammad Qatb, pendidikan adalah proses membentuk manusia secara menyeluruh dan seimbang. Tujuan utama pendidikan ialah mengembangkan potensi intelek, fizikal, emosi dan rohani manusia ke tahap kesempurnaan. Seterusnya Dr. Mohd Athiyah Al-Abrasyi pula memandang proses pendidikan sebagai pembinaan tingkah laku manusia yang berakhhlak tinggi dan mulia di bawah teras ajaran agama Islam. Manakala Amal al-Shaibani pula berpendapat pendidikan adalah digunakan untuk melatih manusia membuat persiapan bagi kehidupan dunia dan akhirat dan tokoh Islam seterusnya iaitu Al-Ghazali berpendapat bahawa proses pendidikan hendaklah merangkumi aspek intelek latihan jasmani serta pembinaan akhlak yang mulia, berani dan hormat-menghormati.

2.7 Sejarah Perkembangan Bahasa Arab

Tarikh kedatangan Bahasa Arab ke kepulauan Melayu secara umum dan ke Malaysia secara khusus masih belum dapat dipastikan dengan tepat. Walau bagaimanapun, oleh kerana Bahasa Arab adalah bahasa Al-Quran dan Al-Hadis yang menjadi sumber perundangan Islam, tarikh kedatangannya tidaklah sukar ditentukan jika ia dihubungkaitkan dengan tarikh kedatangan Islam. Ahmad Mohd. Salleh (2004).

Kedatangan Islam bermakna kedatangan Bahasa Arab kerana kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Bahkan kedua-duanya saling melengkapi antara satu sama lain. Islam tidak akan dapat disebarluaskan tanpa Bahasa Arab sebagai perantaraan. Tanpa Islam sebagai isi kandungan, Bahasa Arab berkemungkinan besar tidak membawa apa-apa erti dan tidak akan berkembang seperti sekarang.

Masyarakat Melayu ketika itu juga secara umumnya mudah menerima istilah-istilah Arab dalam kehidupan sehari-hari mereka. Sehubungan itu kita berasa yakin untuk menggunakan faktor ini sebagai asas kukuh dalam pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia.

Secara teorinya, jika perbendaharaan kata dan istilah Arab mudah diterima, diguna pakai dan dijadikan sebagai sebahagian daripada Bahasa Melayu sejak berzaman maka sudah tentu masyarakat Melayu sekarang ini mudah untuk mengikuti P&P Bahasa Arab.

2.8 Kepentingan Pendidikan Bahasa Arab

Strategi pembelajaran merupakan satu wadah atau cara yang digunakan oleh murid bagi mendapatkan ilmu di dalam sesi P&P yang dijalankan. Ramai murid mempunyai strategi tersendiri di dalam menentukan hala tuju pembelajaran masing-masing. Penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai menjadi penyumbang terbesar kepada kejayaan dan membuatkan seseorang murid itu menjadi minat kepada sesuatu subjek yang dipelajari.

Pengajaran Bahasa Arab semakin hari memberi impak positif dan minat murid kepada Bahasa Arab semakin bertambah. Penekanan subjek ini kepada murid sekolah rendah menjadi titik permulaan yang amat baik kepada mereka di dalam mempelajari bahasa kedua.

Justeru, pengkaji ingin mengkaji adakah strategi atau kaedah PK dapat membantu murid di dalam mempelajari Bahasa Arab dengan baik serta dapat meningkatkan tahap pencapaian selain strategi lain yang selalu digunakan seperti kaedah komunikatif, kaedah Tematik, kaedah Ajuk Hafaz, kaedah Semulajadi / kaedah Terus, kaedah Latih Tubi dan kaedah Eklektik.

2.9 Pendidikan Bahasa Arab dan Falsafah Pendidikan Negara (FPN)

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) bertujuan untuk mewujudkan insan yang harmoni dan seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani. Selaras dengan FPN, penekanan di dalam KBSM adalah memastikan setiap mata pelajaran berperanan memperkembangkan keempat-empat aspek tersebut. Sehubungan dengan itu, kajian ini melihat dari segi peranan pendidikan Bahasa Arab dalam mencapai matlamat pendidikan bersepadu yang dikemukakan dalam FPN khususnya dalam aspek intelek dan emosi. Sudut intelek dilihat dari segi prestasi akademik dan pencapaian pelajar manakala emosi pelajar merangkumi konsep kendiri akademik dan hubungan sosial pelajar dengan rakan sebaya.

2.9.1 Hubungan Sosial Murid dengan Rakan Sekelas

Dalam konteks hubungan sosial dengan rakan sebaya, antara prinsip KBSM yang dikemukakan selaras dengan FPN adalah penekanan kepada nilai-nilai murni seperti kasih sayang, kerjasama dan semangat berkumpulan. Pendidikan Bahasa Arab turut bermatlamat dan menekankan aspek tersebut bagi melahirkan individu yang “...dapat bekerjasama dan berkomunikasi dengan baik dalam apa juga usaha yang dijalankan.”(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993).

Ini bermakna pelajar perlu mempunyai hubungan sosial yang positif bagi mencapai objektif tersebut. Selain itu menurut Shaw (1981), penyelesaian masalah secara berkelompok juga adalah lebih baik. Ini sesuai seperti yang dinyatakan oleh Johnson dan Johnson (1991), bahawa ‘dua kepala lebih baik daripada satu kepala sewaktu mencari penyelesaian sesuatu permasalahan’.

Hubungan sosial akan lahir daripada wujudnya interaksi sesama rakan yang berlaku ketika proses P&P dijalankan yang juga disebut sebagai pembelajaran kumpulan. Ianya adalah pengajaran yang melibatkan beberapa orang murid dalam proses pembelajaran. Mereka berusaha ke arah mencapai matlamat bersama iaitu untuk mencapai matlamat pembelajaran ke tahap maksimum. (Ahmad Mohd. Salleh, 2004).

2.10 Panduan Pelaksanaan Bahasa Arab Program j-QAF

1) Latar Belakang

Kenyataan YAB Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan beliau di Majlis Perjumpaan Bersama Ulamak dan Pegawai-pegawai Agama di Kuala Lumpur pada 24 Disember 2003 bahawa kerajaan berhasrat mewajibkan semua murid yang beragama Islam mempelajari Bahasa Arab. Susulan daripada kenyataan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, KPM telah menganjurkan seminar Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (j-QAF) peringkat Kebangsaan pada 3 hingga 5 Mac 2004. Seminar ini bertujuan mendapatkan pandangan masyarakat dan para cendekiawan dalam usaha merealisasikan hasrat tersebut. Seminar tersebut telah memutuskan supaya Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab dijalankan bersama model-model projek j-QAF yang lain.

2) Takrif

Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab bermaksud pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Arab diperluaskan kepada semua murid dengan mewajibkannya kepada semua murid yang beragama Islam dan memberi pilihan kepada murid yang bukan beragama Islam.

3) Matlamat

P&P Bahasa Arab di peringkat rendah bermatlamat menanam minat untuk mempelajari Bahasa Arab bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan betul.

4) Objektif

Dalam tempoh program ini dijalankan murid dapat :

- 1) mendengar bunyi huruf, perkataan dan ayat Bahasa Arab serta memahaminya.
- 2) menyebut huruf dan perkataan dan ayat Bahasa Arab dengan betul.
- 3) murid dapat bertutur dalam Bahasa Arab berdasarkan situasi tertentu dan memahaminya.
- 4) membaca dengan betul dan memahami perkataan dan ayat Bahasa Arab.
- 5) menulis dengan betul perkataan dan ayat Bahasa Arab serta memahaminya.
- 6) menulis petikan berdasarkan situasi tertentu menggunakan ayat-ayat mudah dan memahaminya.

Walaupun objektif-objektif pelaksanaan Bahasa Arab telah dinyatakan dengan jelas, kegagalan guru memilih kaedah P&P yang sesuai akan membuatkan murid kebosanan, tidak berminat dan jemu terhadap matapelajaran Bahasa Arab. Timbul persoalan di sini apakah kriteria-kriteria kaedah P&P Bahasa Arab yang berkesan ke atas murid. Ini bagi mencapai matlamat pengajaran Bahasa Arab j-QAF untuk menumpukan murid bagi menguasai kemahiran berbahasa di samping membolehkan murid berkomunikasi dengan betul.

5) Kumpulan Sasaran

Pelaksanaan Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab bermula pada tahun 2005 melibatkan murid tahun 1 di seribu dua ratus dua puluh satu (1221) buah sekolah terpilih dan akan diperluaskan ke semua sekolah kebangsaan seluruh negara menjelang 2010.

6) Strategi Pelaksanaan

- 1) Model Perluasan Pelaksanaan Bahasa Arab dilaksanakan dengan menggunakan peruntukan masa sedia ada Bahasa Arab di sekolah kebangsaan iaitu 60 minit seminggu (30 minit x 2 waktu) seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8 Tahun 2002 KP (BS) 8591 Jild XVII (8) bertarikh 1 Oktober 2002: Penawaran Mata Pelajaran Bahasa Arab Tambahan di sekolah Kebangsaan (SK).

- 2) Model ini dilaksanakan berpandukan kepada sepuluh (10) unit / topik yang terkandung dalam pakej Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi Tahun 6 Edisi 2004. Penerbitan pakej buku ini terdiri daripada Buku Teks, Buku Latihan dan Aktiviti Murid serta Buku Panduan Guru yang dibina berdasarkan Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Tahun 6.
- 3) Senarai unit/topik yang dinyatakan dalam buku teks di atas adalah seperti berikut :
- a. Unit / Topik Pertama : في المقصف (Di Koperasi)
 - b. Unit / Topik Kedua : اليوم الرياضي (Hari Sukan)
 - c. Unit / Topik Ketiga : مهن شريفة (Kerjaya yang Mulia)
 - d. Unit / Topik Keempat : في سوق الليل (Di Pasar Malam)
 - e. Unit / Topik Kelima : رمضان كريم (Ramadhan yang Mulia)
 - f. Unit / Topik Keenam : بلادي الحبيبة (Negaraku yang Tercinta)
 - g. Unit / Topik Ketujuh : الاحتفال باليوم الوطني (Sambutan Hari Merdeka)
 - h. Unit / Topik Kelapan : على أبواب الامتحان (Di ambang Peperiksaan)
 - i. Unit / Topik Kesembilan : السفر بالقطار (Perjalanan menaiki Keretapi)
 - j. Unit/Topik Kesepuluh : رحلة سعيدة (Percutian yang Menyeronokkan)
- 4) Guru Bahasa Arab hendaklah melaksanakan P&P dengan kadar satu unit/topik untuk satu bulan.

7) Kaedah / Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab

Pengkaji berpendapat kaedah PK berperanan dalam membantu murid kerana pembelajaran yang melibatkan mereka berinteraksi dan bekerjasama antara satu dengan yang lain akan lebih membuatkan mereka memahami pembelajaran dengan baik dan berkesan berbanding kaedah-kaedah lain.

Menurut Wan Zahid (1995), reformasi pendidikan perlu diadakan supaya murid boleh mememonopoli pembelajaran di bilik darjah. Ini akan memberi peluang kepada murid belajar berfikir, berbincang, berhujah dan melakukan ujikaji. Menurut beliau, pendekatan seperti ini boleh menghasilkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan sekaligus boleh meningkatkan pencapaian murid. Situasi seperti ini boleh dilaksanakan melalui PK.

Berdasarkan kaedah di atas penglibatan murid secara aktif dalam pembelajaran akan menjadikan sesuatu matapelajaran itu diminati, dihargai selain dapat mengembangkan kognitif dan afektif murid serta dapat menjadikan matapelajaran itu bermanfaat. Ini secara tidak langsung akan membantu mewujudkan suasana yang positif dan menyeronokkan di dalam proses pembelajaran di dalam kelas.

8) Penilaian

Penilaian ialah sebahagian daripada P&P dan ianya merupakan aktiviti untuk mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu hasil pembelajaran dan objektif di dalam P&P. Oleh itu, penilaian yang berterusan perlu dijalankan dan penilaian Bahasa Arab di peringkat sekolah dilaksanakan mengikut format Penilaian Kendalian Sekolah Rendah (PKSR). Penilaian Kendalian Sekolah mempunyai prinsip-prinsip berikut:

- a. Bersifat formatif.
- b. Bersistem dan berterusan.
- c. Menggunakan pelbagai kaedah (pemerhatian, lisan, dan penulisan).
- d. Berasaskan kriteria.
- e. Dikendalikan oleh guru.
- f. Tindakan susulan.

Pengkaji turut berpendapat instrumen penilaian ini penting dalam kajian ini bagi membantu memperoleh data dengan menjalankan ujian pra dan pos kepada murid sebelum mereka menjalani kaedah PK di dalam proses P&P juga selepas mereka menjalani kaedah PK. Instrumen kajian ini sesuai untuk digunakan memandangkan sekolah-sekolah di Malaysia adalah berorientasikan peperiksaan dan penilaian bagi menilai dan menentukan tahap pencapaian murid di dalam proses pembelajaran seharian.

Seterusnya terdapat pelbagai strategi dan P&P Bahasa Arab yang boleh dilaksanakan di sekolah berdasarkan teori-teori pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Namun begitu, pendekatan komunikatif turut dicadangkan untuk dilaksanakan di sekolah kerana sifat dan tujuan Bahasa arab itu sendiri ialah untuk berkomunikasi. (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral Kementerian Pelajaran Malaysia).

2.11 Penutup

Seperti yang telah dinyatakan, di antara matlamat P&P Bahasa Arab di peringkat rendah adalah untuk membolehkan murid berkomunikasi dengan baik. Justeru, kajian yang dijalankan oleh pengkaji juga turut menekankan aspek komunikasi atau interaksi sesama murid melalui PK yang dijalankan di dalam bilik darjah. Slavin (1985) berpendapat rasional di sebalik PK adalah murid akan bersedia membantu rakan sekumpulan sekiranya mereka ingin kumpulan mereka berjaya.

BAB 3

METODOLOGI DAN PROSEDUR KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan tentang prosedur dan langkah yang dirancang bagi menyiapkan kajian ini. Perancangan dan pemilihan prosedur yang baik adalah amat penting di dalam memastikan kajian dapat dijalankan dengan baik dan juga dapat menghasilkan dapatan kajian yang tepat. Perancangan atau metodologi yang baik akan memudahkan kerja, menjimatkan masa dan kos serta mengurangkan risiko yang dihadapi. Di dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan di dalam kajian ini. Kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan berbagai-bagai metodologi yang relevan dan signifikan dengan peringkat tertentu kajian. Antara aspek yang disentuh adalah reka bentuk kajian yang dipilih, proses pemilihan subjek kajian, senarai alat kajian yang digunakan, cara pelaksanaan dan bentuk analisis data yang digunakan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Dalam peringkat ini pengkaji perlu mengenal pasti dan memilih bentuk kajian yang sesuai dengan topik dan isu kajian dan kajian yang dijalankan ini akan menggunakan reka bentuk eksperimental dan kajian kualitatif bagi mengumpul dan menjawab soalan kajian. Di awal kajian iaitu sebelum murid diperkenalkan dengan kaedah PK, sampel kajian diminta menduduki ujian pra Bahasa Arab terlebih dahulu.

Ini bagi mendapatkan perbezaan pencapaian murid di dalam ujian pra sebelum mereka didedahkan dengan kaedah PK dan ujian pos yang akan dijalankan setelah murid


selesai menjalani sesi rawatan dengan menggunakan kaedah PK di dalam pengajaran Bahasa Arab.

Setelah selesai menjalani ujian pra tersebut, sampel seterusnya diberi rawatan dengan menggunakan kaedah PK di mana pengkaji sendiri yang akan menjalankan rawatan tersebut di dalam P&P dengan menggunakan kaedah koperatif. Guru akan menjalankan sesi pengajaran dengan menggunakan kaedah PK berdasarkan modul pengajaran (rujuk lampiran A) dan berpandukan jadual rancangan pengajaran Bahasa Arab (rujuk lampiran B). Indikator PK (rujuk lampiran C) turut membantu dan memberi panduan kepada pengkaji dalam menjayakan proses P&P Bahasa Arab yang dijalankan selama 8 kali pengajaran berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Arab j-QAF tahun 6 (2005).

Di setiap akhir sesi P&P, guru akan melakukan penilaian dan ini amat penting untuk menilai sejauhmana keberkesanan kaedah PK yang dijalankan. Ini juga bertujuan untuk mengetahui sama ada objektif P&P tercapai ataupun tidak. Guru boleh menggunakan beberapa kaedah untuk menilai keberkesanan proses P&P. Antara kaedah penilaian tersebut adalah :

- 1) Penilaian Formatif – penilaian berbentuk ini diadakan selepas tamat sesuatu pelajaran. Ini untuk memastikan setiap murid dapat memahami dan menguasai pembelajaran.
- 2) Penilaian Rujukan Kriteria – Ini boleh dilakukan untuk mengetahui adakah proses P&P berlaku pada setiap murid dan prestasi murid seharusnya lebih baik daripada sebelumnya.

Pengkaji memberikan lembaran latihan berbentuk formatif (rujuk lampiran D) atau menanyakan soalan kuiz yang berkaitan dengan tajuk yang diajar sebagai aktiviti pengukuhan dan kaedah bagi menilai keberkesanan proses P&P pada setiap akhir sesi pembelajaran pada hari tersebut. Ini bagi menilai sejauhmana tahap pemahaman murid terhadap tajuk yang dipelajari melalui kaedah PK yang dijalankan. Setelah selesai menjalani sesi rawatan selama dua bulan, kumpulan ini akan menduduki ujian pos bagi menentukan pencapaian di dalam penguasaan Bahasa Arab. Reka bentuk kajian yang dipilih adalah seperti di dalam rajah 3.1 berikut:



Rajah 3.1 : Reka bentuk keberkesanan kaedah PK di dalam pengajaran Bahasa Arab

3.2 Sampel dan Lokasi Kajian

Sebuah Sekolah Rendah di daerah Kinta Utara, Perak merupakan lokasi kajian bagi membantu pengkaji mengkaji mengenai keberkesanan kaedah koperatif dalam pembelajaran Bahasa Arab j-QAF. Tempat ini dipilih oleh pengkaji kerana sekolah ini sama dan memenuhi ciri-ciri sekolah bantuan penuh kerajaan seperti mana sekolah-sekolah lain di Malaysia. Kerjasama baik yang ditunjukkan oleh murid dan pihak pentadbir sekolah turut memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat bagi memenuhi keperluan kajian ini.

Terdapat seramai 202 orang murid tahun 6 yang terdiri dari 5 buah kelas dan pengkaji akan memilih satu kelas daripadanya sebagai sampel kajian. Pemilihan kelas tersebut menggunakan kaedah persampelan rawak mudah di mana senarai nama 5 buah kelas dimasukkan ke dalam sebuah kotak dan dicabut 1 daripadanya. Pengkaji menjadikan strategi pemilihan sampel di dalam kajian yang dijalankan oleh Azizi Hj. Yahaya, Ahmad Johari Sihes dan Shahzalina Ghazali sebagai panduan di dalam memilih sampel bagi kajian ini.

Berdasarkan jadual 3.1 di bawah, respondan kajian terdiri daripada 40 orang murid yang terdiri daripada 20 orang murid lelaki dan 20 orang murid perempuan. Jumlah 40 ini bersesuaian dengan jumlah biasa murid di dalam sesebuah bilik darjah di Malaysia. Bilangan seramai ini juga memudahkan aktiviti pembentukan kumpulan semasa pengajaran ketika kaedah PK digunakan di dalam pengajaran Bahasa Arab.

Jantina	Kekerapan	Peratus
LELAKI	20	50.0
PEREMPUAN	20	50.0
Jumlah	40	100.0

Jadual 3.1 : Taburan respondan kajian berdasarkan jantina

Pengkaji memilih murid tahun 6 dari kelas yang sama kerana mereka sudah mempunyai pengalaman di dalam pembelajaran Bahasa Arab program j-QAF semenjak di tahun 1. Kriteria yang dipilih adalah mereka mempunyai pencapaian akademik yang berbeza terdiri daripada lelaki dan perempuan supaya kumpulan yang dibentuk adalah kumpulan yang heterogenus dari segi pencapaian dan jantina. Rasional bilangan sampel yang dipilih adalah sama, ini kerana pengkaji ingin menunjukkan perbandingan

pencapaian, tingkah laku dan kesediaan di dalam menjawab soalan di antara jantina yang terlibat melalui pemerhatian yang akan dijalankan semasa proses P&P di dalam bilik darjah.

3.3 Tempoh Masa Kajian

Kajian yang dijalankan ini mengambil masa selama dua bulan. Dalam tempoh masa tersebut pengkaji telah memberi maklumat tentang tujuan kajian, mengendalikan soal selidik, menjalankan pemerhatian berterusan dan menjalankan ujian pra dan pos serta mendedahkan kaedah PK kepada sampel yang terlibat.

Pelaksanaan pengajaran PK Bahasa Arab di dalam bilik darjah dijalankan sekali seminggu yang mana satu masa pengajaran mengambil masa selama 60 minit. Setelah selesai proses rawatan tersebut, sampel akan menduduki ujian pos bagi melihat keberkesanan PK yang dijalankan.

3.4 Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah kajian mengenai literatur yang sedia ada. Kajian ini melibatkan kajian terhadap hasil kajian yang telah dihasilkan oleh pengkaji terdahulu yang dikenali dengan kajian lampau atau kajian literasi. Kajian perpustakaan bukan hanya difokuskan kepada kajian-kajian yang sama dengan kajian penyelidikan yang diutara atau dikemukakan oleh pengkaji tetapi mencakupi juga kajian-kajian dalam bidang berkaitan.

Kajian literasi ini adalah merupakan langkah awal pengkaji bagi mendapatkan gambaran dan maklumat mengenai kajian yang akan dijalankan. Proses ini banyak membantu pengkaji mengenalpasti kandungan am dan permasalahan yang akan dikaji serta teori yang relevan dengan kajian. Pengkaji juga dapat melakukan tinjauan ke atas kajian-kajian terdahulu yang relatif dengan topik kajian. Kajian literasi juga membolehkan pengkaji memastikan isu kajian samada isu telah dikaji tetapi perlu dilakukan proses penambahbaikan atau menyanggah atau membetulkan tanggapan mengenai sesuatu isu.

Kajian perpustakaan bukanlah sesuatu yang lengkap untuk pengkaji tetapi cukup untuk memberi gambaran kepentingan isu lepas yang telah dijalankan. Dengan menggunakan kajian ini, pengkaji akan memilih seterusnya mengumpul tajuk-tajuk kajian berkaitan yang terdiri daripada bahan-bahan bercetak dan bertulis. Seterusnya bahan-bahan ini akan dikaji dan dianalisis kandungannya bagi mengenalpasti kaitannya dengan topik kajian pengkaji.

Segala fakta yang diambil perlu sesuai dan relevan dengan kehendak kajian. Data tersebut akan dicatatkan di dalam nota catatan sebagai bahan mentah atau skrip. Semua skrip akan diproses, diadun dan diolah berfokuskan topik kajian. Kajian literasi ini banyak membantu pengkaji di dalam menyelesaikan bab satu dan dua. Pengkaji perlu menggunakan kaedah kajian ini bagi menerangkan fakta-fakta dan kenyataan yang dikemukakan terutamanya di dalam menghuraikan definisi PK dan teknik yang digunakan. Kajian sebegini juga digunakan bagi mengumpulkan data-data berkaitan dengan teori dan amalan lazim digunakan dalam pelaksanaan P&P Bahasa Arab.

3.5 Instrumen Kajian

Dalam menyelesaikan kajian ini, berbagai-bagai instrumen akan digunakan secara eklektif. Mengikut penyelidikan "kaedah eklektif", beberapa kaedah penyelidikan yang baik dan signifikan dengan kajian akan digunakan secara terpilih tanpa terikat kepada satu-satu metodologi sahaja. Antara metodologi yang akan digunakan ialah:

3.5.1 Kajian Lapangan

1) Pemerhatian

Penyelidik turut menjalankan pemerhatian secara berstruktur dan berterusan mengikut jangka waktu yang ditentukan sepanjang kajian dijalankan di dalam kelas (rujuk lampiran E). Ianya membantu dalam mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan P&P yang dijalankan dan bagi menyatakan perbandingan pencapaian di antara jantina. Aspek yang diperhatikan menyeluruh meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang melibatkan juga faktor-faktor bahan dan persekitaran. Secara tidak langsung ianya juga boleh membantu guru dan murid membuat refleksi terhadap prestasi masing-masing.

2) Ujian Penilaian Bahasa Arab Pra dan Pos

Dua set soalan ujian penilaian Bahasa Arab merupakan instrumen yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini iaitu ujian pra dan pos (rujuk lampiran F dan

G). Ujian tersebut bertujuan untuk mengukur prestasi dan kemampuan murid sebelum dan setelah melalui proses PK di dalam kelas samada berada pada tahap sangat baik, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah di dalam kedua-dua ujian tersebut. Soalan bagi ujian bertulis ini digubal sendiri oleh pengkaji dan digubal berpandukan tajuk yang ditetapkan di dalam model j-QAF dan dijalankan diakhir proses P&P Bahasa Arab. Ujian pra dijalankan untuk menentukan pencapaian murid berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada manakala ujian pos dijalankan untuk melihat sejauhmana pencapaian murid setelah didedahkan dengan kaedah PK.

3) Soal Selidik

Melalui kajian ini juga, pengkaji akan menjalankan soal selidik yang terdiri daripada 8 soalan mengenai amalan dan sikap murid terhadap pembelajaran Bahasa Arab selepas rawatan selesai dijalankan (rujuk lampiran H). Soal selidik ini terdiri daripada pelbagai soalan yang bersesuaian dengan objektif bagi memudahkan penganalisisan data. Pengkaji memilih metod soal selidik memandangkan banyak kelebihan seperti:

- Banyak item soalan yang boleh dikemukakan dan bebas
- Mudah dan senang untuk menjalankan penyelidikan
- Tidak memerlukan masa yang banyak untuk dijalankan

- Senang dan mudah untuk dianalisis.
- Respondan bebas membuat pilihan jawapan tanpa ada perasaan malu, ragu-ragu atau takut

- Respondan mempunyai masa yang mencukupi untuk memikirkan jawapan yang relevan dan tidak terikat dengan masa dan tekanan.

Set soal selidik ini digubal dengan menggunakan "skala likert" sebagai pilihan jawapan respondan. Respondan hanya perlu menyatakan jawapan mereka dengan memilih jawapan yang dikehendaki berdasarkan arahan dan keterangan skala yang dinyatakan di awal set soal selidik. Penggunaan skala likert ini akan memudahkan respondan untuk memberikan jawapan kerana terdapat pilihan jawapan yang diberikan. Secara tidak langsung, ianya turut memudahkan pengkaji mengkodkan data dan seterusnya menganalisis data tersebut.

Instrumen soal selidik telah dibina sendiri oleh pengkaji dengan mengambil kira pandangan guru-guru supaya soal selidik yang diberikan sesuai dengan kehendak kajian yang ingin melihat perubahan murid selepas PK dijalankan. Item yang digubal juga dan bedasarkan amalan strategi PK bagi mengenalpasti kemampuan strategi PK di dalam peningkatan penguasaan Bahasa Arab program j-QAF yang sedang djalankan di sekolah rendah. Item tersebut adalah bersesuaian dengan respondan memandangkan respondan terdiri daripada pelajar tahun 6 yang menjalani kaedah PK di sekolah

Soal selidik yang diberikan ini mengandungi 2 bahagian butiran iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A soal selidik adalah mengenai latar belakang murid dan bahagian B mengandungi 8 sub soalan yang berkaitan dengan amalan pengajaran yang diamalkan oleh guru dalam proses P&P di sekolah dan ianya juga dapat memberi maklumat tentang sikap murid terhadap matapelajaran Bahasa Arab. Berikut adalah sub soalan yang digunakan oleh pengkaji di dalam soal selidik:

Sub soalan 1 : Adakah anda menyukai mata pelajaran Bahasa Arab?

Sub soalan 2 : Adakah anda memahami sesi pembelajaran Bahasa Arab dengan baik?

Sub soalan 3 : Adakah anda memahami arahan yang diberikan oleh guru dengan baik?

Sub soalan 4 : Adakah anda merasa seronok setiap kali guru melakukan aktiviti di dalam kelas?

Sub soalan 5 : Adakah kaedah yang digunakan oleh guru di dalam pembelajaran membantu untuk menjawab soalan ujian Bahasa Arab?

Sub soalan 6 : Adakah aktiviti semasa yang dilakukan oleh guru membantu untuk menjawab soalan ujian Bahasa Arab?

Sub soalan 7 : Adakah elemen-elemen yang digunakan amat membantu anda di dalam menjawab soalan ujian Bahasa Arab?

Sub soalan 8 : Adakah anda berharap kaedah PK diteruskan pada masa akan datang?

3.6 Kaedah Kajian

Sepanjang percubaan kaedah PK ini dijalankan, sampel menjalani sesi P&P yang dikendalikan sendiri oleh pengkaji.

1) Kumpulan Kajian

Secara amnya, kajian ini dijalankan dalam 3 peringkat iaitu peringkat pertama, pengkaji akan menjalankan aktiviti sebelum eksperimen dijalankan seperti pengenalan,

menjalankan ujian pra dan perbincangan mengenai pengajaran Bahasa Arab yang mana tujuan perbincangan adalah untuk memberi gambaran kepada murid tentang kaedah PK yang akan dijalankan.

Seterusnya intervensi akan dijalankan pada peringkat kedua. Jenis intervensi yang diberikan ialah pembelajaran secara berkumpulan dengan menggunakan kaedah koperatif yang mana pengkaji menggunakan teknik atau model pembelajaran pasukan pelajar iaitu Student Team Achievement Divisions (STAD) dan model tersebut yang digunakan bagi tujuan intervensi dapat dilihat dengan lebih lanjut dalam bab 2.

Teknik pembelajaran pasukan pelajar (STAD) adalah satu kaedah PK yang berasal dari Hopkins. Ianya satu kaedah yang mudah dan praktikal untuk dilakukan dan memberikan impak positif kepada murid di dalam proses pembelajaran. Struktur aktiviti STAD bermula dengan penyampaian secara kelas diikuti murid membuat latihan secara berkumpulan berdasarkan tugasan yang diberikan (Slavin,1990). Di dalam teknik STAD, guru akan mengikut satu pusingan mengajar, kumpulan pembelajaran dan penilaian individu. Guru akan memilih dan mengajar satu bab daripada silibus di dalam buku teks kepada murid. Kemudian murid akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan murid yang terdiri daripada 4-5 orang murid.

Bagi mendorong murid berinteraksi sesama ahli kumpulan, pengkaji berpendapat teori tingkah laku penting untuk digunakan ketika proses PK dijalankan. Teori tingkah laku mencadangkan ganjaran adalah perlu sebagai motivasi untuk murid berinteraksi sesama mereka. Kumpulan akan memperolehi ganjaran berupa penanda buku atau apa-

apa penghargaan kejayaan apabila melakukan perubahan berbanding masa lepas sebagai pengiktirafan.

Di dalam pengajaran Bahasa Arab juga, murid dilatih untuk bekerjasama menyelesaikan soalan, menulis dan membaiki kesalahan bersama rakan di dalam kumpulan. Di samping itu, murid juga dilatih untuk membanding hasil kerja sendiri dengan hasil kerja rakan-rakan di dalam bilik darjah. Di setiap akhir sesi P&P, bagi mengetahui sama ada objektif P&P tercapai ataupun tidak, penilaian berbentuk lembaran latihan dijalankan terhadap murid dan ini amat penting untuk menilai sejauhmana keberkesanan kaedah PK yang dijalankan ke atas mereka.

Pada peringkat terakhir iaitu peringkat ketiga adalah peringkat selepas eksperimen di mana pengkaji akan menjalankan ujian pos ke atas murid yang terlibat. Soalan ujian tersebut juga telah diuji kesahannya oleh 2 orang guru Bahasa Arab di sekolah tersebut yang mempunyai pengalaman mengajar selama 5 tahun. Selain itu untuk memastikan soalan tersebut mempunyai kesahan kandungan yang tinggi, pengkaji juga membandingkan set ujian tersebut dengan set-set ujian Bahasa Arab yang lepas.

Untuk menentukan kesahan pembahagian markah yang telah diperiksa oleh pengkaji, pengkaji telah memilih sebanyak 10 set ujian secara rawak untuk dinilai semula oleh 2 orang guru matapelajaran Bahasa Arab yang mempunyai pengalaman di dalam bidang tersebut. Data yang dikumpulkan melalui ujian ini dibandingkan dengan data yang diperolehi dalam ujian pra. Ini bagi melihat perbezaan skor markah di antara murid dan melihat keberkesanan PK dalam pengajaran Bahasa Arab. Berdasarkan 5 skala likert, pengkaji telah menetapkan kriteria pemarkahan jawapan berdasarkan

jumlah soalan yang dibina dan membahagikan markah tersebut kepada skala sangat baik, baik, sederhana, lemah dan sangat lemah bagi memudahkan proses analisis yang akan dijalankan di dalam bab 4 dengan menggunakan program SPSS. Kriteria pemarkahan jawapan tersebut dapat dilihat dalam jadual 3.2 di bawah :

Markah	Skala/Gred
41 – 50	Sangat baik
31 – 40	Baik
21 – 30	Sederhana
11 – 20	Lemah
0 – 10	Sangat lemah

Jadual 3.2 : Skala Markah Ujian Pra dan Pos

2) Alat kajian

Di dalam ujian pra dan pos, markah keseluruhan ujian adalah sebanyak 50 markah. Ianya terdiri daripada 50 soalan bertulis yang mana setiap soalan berjumlah 10 markah. Soalan pertama menyambungkan huruf (10 markah), soalan kedua suaikan (10 markah), soalan ketiga pilih jawapan yang sesuai (10 markah), soalan keempat adalah menyusun perkataan menjadi ayat yang lengkap (10 markah) dan soalan kelima ialah menulis jawapan yang sesuai (10 markah).

Tempoh atau masa yang diberikan untuk menjawab soalan ujian adalah selama 1 jam dan soalan yang diberikan melibatkan tajuk 1 sehingga tajuk 8 buku teks Bahasa Arab tahun 6 seperti yang dinyatakan di dalam bab 2.

3.7 Sumber Data

Data mengenai amalan pembelajaran atau sikap murid terhadap matapelajaran Bahasa Arab selepas menjalani kaedah PK akan diperoleh melalui soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji. Data lain adalah melalui markah murid dalam dua ujian yang dijalankan iaitu ujian pra dan ujian pos yang turut dijalankan sebelum dan selepas rawatan dan seterusnya diperolehi melalui pemerhatian secara berstruktur yang dijalankan sepanjang proses P&P berlangsung.

3.8 Analisis dan Pemprosesan Data

Data yang diperolehi melalui markah ujian pra dan pos akan dianalisis dengan menggunakan program SPSS. Statistik inferensi digunakan untuk mencari perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua ujian dengan melihat min bagi sampel sebelum rawatan dan min bagi sampel yang sama selepas rawatan dengan kaedah PK.

Seterusnya data yang diperolehi melalui pemerhatian secara berstruktur yang dijalankan di dalam kelas dianalisis secara manual untuk membandingkan tingkah laku murid semasa P&P dijalankan dan kesediaan murid di dalam menjawab soalan yang diajukan oleh guru di antara jantina. Seterusnya melalui pemerhatian tersebut dapat mengetahui perbezaan pencapaian Bahasa Arab di dalam markah ujian yang dijalankan. Dapatan melalui pemerhatian tersebut akan dihuraikan dalam bentuk jadual yang sesuai.

Data yang dikumpul dalam soal selidik juga akan dianalisis menggunakan perisian analisis data SPSS. Analisa dibuat dengan mengira peratus bagi jawapan soal selidik yang diberikan selepas rawatan dijalankan ke atas sampel kajian. Pilihan

jawapan ke atas soal-selidik dapat memberi gambaran yang jelas tentang pandangan murid dan sejauh mana kaedah PK berkesan dalam membantu mereka di dalam pembelajaran Bahasa Arab.

3.9 Penutup

Bab seterusnya akan membentangkan dapatan yang diperolehi dalam kajian melalui kaedah mengutip data yang dihuraikan di dalam bab ini. Walaupun pada dasarnya pengkaji menggunakan empat kaedah dalam melakukan kajian ini namun di dalam menganalisis kajian kaedah perpustakaan tidak diperbincangkan. Ini kerana dapatan dari kajian perpustakaan telah dimuatkan dalam bab dua dan tiga yang merangkumi maklumat dan teori mengenai PK dan pengajaran Bahasa Arab. Oleh yang demikian hanya dapatan dari ujian pra dan pos, set pemerhatian berstruktur dan soal selidik sahaja yang akan dianalisis dalam bab empat.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Bab ini akan membentangkan dapatan kajian untuk melihat keberkesanan kaedah PK dalam pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu, bab ini akan memaparkan penganalisisan dan tafsiran ke atas keputusan yang diperolehi dalam ujian pra dan pos yang telah dijalankan ke atas 40 orang murid yang terlibat dalam kajian ini. Juga analisis pemerhatian berstruktur yang dijalankan sepanjang sesi rawatan terhadap sampel kajian bagi membantu pengkaji mendapatkan jawapan yang lebih tepat dan selain itu analisis ke atas soalan soal selidik mengenai sejauhmana amalan PK dapat meningkatkan minat murid terhadap Bahasa Arab juga akan dibentangkan.

Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan juga manual bagi mendapatkan jawapan terhadap soalan kajian dan analisis dapatan yang dibentangkan dibuat mengikut turutan soalan kajian :

1. Adakah terdapat perbezaan skor murid dalam ujian pra dan pos sebelum didedahkan dengan kaedah PK dan selepas didedahkan dengan kaedah PK?
2. Sejauhmanakah kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina?
3. Sejauhmanakah amalan PK dapat meningkatkan minat murid terhadap matapelajaran Bahasa Arab?

4.1 Perbezaan skor murid dalam ujian pra dan pos sebelum didedahkan dengan kaedah PK dan selepas didedahkan dengan kaedah PK

Perbincangan berikut bertujuan untuk menjawab soalan kajian satu dan akan memaparkan pencapaian murid dari segi skor markah di dalam ujian pra dan pos dan

seterusnya untuk melihat perbezaan pencapaian dari segi taburan peratus mengikut markah, melihat perbezaan min dan menentukan adakah perbezaan itu signifikan dengan ujian t.

- a) Pencapaian mengikut taburan peratus skala/gred

Jadual 4.1 : Pencapaian skor murid dalam ujian pra dan pos

Tahap	Kekerapan	Peratus
LEMAH	7	17.5
SEDERHANA	29	72.5
BAIK	4	10.0
Jumlah	40	100.0

Skor Ujian Pra

Tahap	Kekerapan	Peratus
SEDERHANA	4	10.0
BAIK	25	62.5
SANGAT BAIK	11	27.5
Jumlah	40	100.0

Skor Ujian Pos

Dapat dilihat di jadual 4.1 skor ujian pra dan pos yang telah dijalankan ke atas murid bagi menentukan pencapaian murid sebelum dan selepas mereka menjalani kaedah koperatif di dalam pembelajaran Bahasa Arab. Berdasarkan jadual tersebut, skor ujian pra iaitu sebelum murid didedahkan dengan PK menunjukkan tiada murid yang mencapai tahap sangat baik iaitu murid yang mendapat markah ujian di antara 41

sehingga 50 markah. Manakala di dalam ujian pos terdapat seramai 11 orang murid atau 27.5% murid memperolehi pencapaian yang sangat baik berbanding ujian pra setelah mereka melalui pembelajaran dengan menggunakan kaedah koperatif.

Seramai 4 orang murid atau 10% murid yang memperolehi pencapaian baik iaitu yang mendapat 31 sehingga 40 markah di dalam ujian pra yang dijalankan di dalam bilik darjah tetapi setelah murid didedahkan dengan PK, bilangan murid yang mencapai tahap baik di dalam ujian pos bertambah kepada 25 orang murid atau 62.5%.

Bilangan murid yang berpencapaian sederhana iaitu yang mendapat markah di antara 21 sehingga 30 di dalam ujian pra adalah sebanyak 72.5% atau 29 orang tetapi setelah murid menjalani sesi rawatan melalui PK, bilangan murid yang berada di tahap sederhana di dalam ujian pos telah menurun kepada kepada 4 orang murid atau 10% sahaja.

Seterusnya terdapat murid yang berpencapaian lemah di dalam ujian pra iaitu seramai 7 orang atau 17.5% yang mendapat 11 sehingga 20 markah tetapi setelah murid-murid diberi pendedahan mengenai PK sewaktu sesi pembelajaran Bahasa Arab dijalankan, tiada terdapat murid yang berpencapaian lemah di dalam ujian pos.

Berdasarkan perbandingan tersebut mendapati terdapat perubahan yang baik dari segi pencapaian murid dalam menjawab soalan ujian pos berbanding ujian pra setelah mereka didedahkan dengan kaedah koperatif di dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Seterusnya tiada murid yang mendapat markah di antara 0 sehingga 11 iaitu tahap sangat lemah di dalam kedua-dua ujian yang dijalankan sebelum dan selepas PK

diperkenalkan kepada murid-murid yang terlibat. Ini kerana murid yang terlibat di dalam kajian ini merupakan murid yang telah mempelajari Bahasa Arab sejak dari tahun 1 dan sekurangnya mereka mampu membaca soalan dan menulis jawapan yang dikehendaki berdasarkan pemahaman sedia ada.

Berdasarkan perbandingan tadi, jelas menunjukkan terdapat perubahan yang baik dari segi pencapaian murid di dalam menjawab ujian pos berbanding ujian pra setelah mereka didedahkan dengan kaedah PK di dalam pembelajaran Bahasa Arab program j-QAF.

b) Skor min

	Min	Bilangan
SKOR_PRA	2.9250	40
SKOR_PASCA	4.1750	40


Jadual 4.2 : Skor min

Daripada jadual 4.2, data menunjukkan min pencapaian murid dalam ujian pra ialah 2.9 manakala min pencapaian murid dalam ujian pos ialah sebanyak 4.175. Data juga memperlihatkan terdapat perbezaan min sebanyak 1.275 di antara kedua-dua ujian tersebut. Ini bermakna kesan rawatan melalui kaedah PK telah berjaya meningkatkan pencapaian murid di dalam ujian Bahasa Arab yang dijalankan ke atas mereka.


4.2 Kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina.

Data yang diperolehi melalui pemerhatian berterusan yang dijalankan adalah berkait rapat dengan pencapaian murid lelaki dan perempuan dalam ujian yang dijalankan ke atas mereka. Ini bagi melihat adakah murid lelaki atau murid perempuan yang lebih memainkan peranan di dalam proses P&P terutamanya dalam memberi respons terhadap soalan yang diajukan sepanjang melalui sesi pembelajaran secara koperatif dan juga untuk melihat tingkah laku mereka ketika di dalam kelas. Ini kerana sebagaimana kebiasaannya, murid perempuan lebih bersedia dan menunjukkan kesungguhan sebaliknya murid lelaki kurang bersungguh dan kurang mengambil bahagian di dalam aktiviti P&P yang dijalankan.

Perbincangan berikut bertujuan untuk menjawab soalan kajian dua dan akan memaparkan perbezaan pencapaian di antara jantina dalam ujian pra dan pos dengan mengira peratus dan dapatan tersebut diterangkan dalam bentuk jadual yang sesuai. Juga dapatan melalui pemerhatian yang dijalankan terhadap tingkah laku atau aktiviti yang dilakukan oleh murid ketika berlangsungnya proses P&P serta penglibatan mereka dalam memberi respons terhadap soalan yang diajukan oleh guru secara lisan juga turut ditunjukkan dalam bentuk graf bagi menyatakan perbezaan di antara jantina yang terlibat di dalam kajian ini.



Jadual 4.3 : Pencapaian murid lelaki dan perempuan dalam ujian pra



Jadual 4.4 : Pencapaian murid lelaki dan perempuan dalam ujian pos

Berdasarkan analisis di jadual 4.3, data menunjukkan tiada yang mencapai tahap sangat baik iaitu yang berjaya mendapat markah di antara 41 sehingga 50 bagi kedua-dua jantina. Seterusnya seramai 4 orang atau 20% murid perempuan berjaya mencapai

tahap baik iaitu yang mendapat 31 sehingga 40 markah manakala tiada murid lelaki yang berada pada tahap tersebut.

Sebanyak 75% atau 15 orang murid perempuan berada pada tahap sederhana iaitu yang mendapat markah di antara 21 sehingga 30 markah berbanding murid lelaki seramai 14 orang atau 70%. Seterusnya seramai 6 orang atau 30% murid lelaki mendapat markah di antara 11 sehingga 20 di dalam ujian pra yang dijalankan dan hanya seorang atau 5% murid perempuan yang berada pada tahap tersebut. Walaubagaimanapun, tiada murid yang berada pada tahap sangat lemah atau yang mendapat 0 sehingga 10 markah di dalam ujian pra yang dijalankan.

Seterusnya jadual 4.4 menunjukkan pencapaian murid lelaki dan murid perempuan di dalam ujian pos. Ini dapat dilihat melalui graf yang ditunjukkan, seramai 11 orang murid perempuan atau 55% berjaya mendapat markah di antara 41 sehingga 50 berbanding murid lelaki tiada yang berada pada tahap sangat baik. Dengan ini jumlah murid perempuan yang berada pada tahap baik iaitu yang mendapat 31 sehingga 40 markah berkurang kepada 9 orang atau 45% dan bilangan murid lelaki yang berada pada tahap tersebut adalah seramai 16 orang atau 80%. Tiada murid perempuan yang berada pada tahap sederhana iaitu yang mendapat markah di antara 21 sehingga 30 dan terdapat seramai 4 orang murid lelaki atau 20% yang mendapat markah tersebut. Seterusnya selepas murid didedahkan dengan kaedah PK, tiada terdapat murid yang berada pada tahap lemah dan sangat lemah di dalam ujian pos bagi kedua-dua jantina tersebut.


Dapatan kajian dalam kedua-dua ujian yang dijalankan jelas menunjukkan murid perempuan berjaya mengekalkan pencapaian di dalam ujian pra dan pos tersebut. Ini dapat dilihat melalui peratus markah yang diperolehi di dalam kedua-dua ujian tersebut menunjukkan peratus atau markah murid perempuan telah mendahului murid lelaki.

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan, analisis data berdasarkan jadual 4.5 dan jadual 4.6 menunjukkan peratusan murid perempuan yang memberi tumpuan di dalam kelas ketika sesi PK dijalankan adalah lebih tinggi berbanding murid lelaki. Ini dapat dibuktikan melalui pemerhatian yang telah dijalankan terhadap tingkah laku murid semasa P&P di bilik darjah yang dilakukan menunjukkan kesungguhan murid perempuan dalam menjawab soalan yang diajukan turut menjadi penyumbang kepada pencapaian yang lebih baik di dalam ujian yang dijalankan. Penerangan seterusnya adalah berkaitan dua set pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji bagi menjawab soalan kajian dua iaitu untuk melihat kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina.

Pemerhatian pertama adalah untuk melihat kekerapan murid lelaki dan perempuan melakukan aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan dan pemerhatian kedua untuk melihat kekerapan kesediaaan murid lelaki dan perempuan di dalam menjawab soalan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Daripada analisis data pemerhatian yang dijalankan, jelas menunjukkan kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina.

Jadual 4.5 adalah merupakan data bagi set pemerhatian yang pertama iaitu untuk melihat kekerapan murid lelaki dan perempuan melakukan aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui pemerhatian tingkah laku murid ini, pengkaji telah merekodkan 5 aktiviti yang sentiasa dilakukan oleh murid iaitu aktiviti pertama ialah berangan-berangan, aktiviti kedua mengasah pensel, aktiviti ketiga tidak menumpukan perhatian, aktiviti keempat bercakap-cakap kosong dan aktiviti kelima berfikiran ke tempat lain.

Pemerhatian berdasarkan 5 aktiviti tersebut direkodkan di dalam jadual apabila setiap skan (scan) dijalankan. Skan melibatkan pemerhatian terhadap aktiviti atau sesuatu proses pengajaran yang berlaku di dalam kelas. Sebanyak 10 scan telah dijalankan dan nombor dicatatkan pada petak di mana seseorang murid itu telah melakukan aktiviti yang dimaksudkan.



Jadual 4.5 : Kekerapan murid lelaki dan perempuan melakukan aktiviti semasa proses pengajaran dan pembelajaran

Berdasarkan jadual di atas mendapati seramai 6 orang murid lelaki atau 30% telah melakukan aktiviti pertama iaitu berangan-angan ketika proses P&P sedang berlangsung berbanding murid perempuan iaitu seorang atau 5% sahaja yang melakukan aktiviti tersebut. Bagi aktiviti kedua iaitu mengasah pensel menunjukkan seramai 7 orang atau 35% telah melakukan aktiviti tersebut berbanding murid perempuan seramai dua orang atau 10%.


Seterusnya seramai 8 orang murid lelaki atau 40% melakukan aktiviti ketiga iaitu tidak menumpukan perhatian di dalam kelas berbanding hanya seorang murid perempuan atau 5% yang melakukannya sepanjang proses pengajaran dan PK dijalankan. Manakala bagi aktiviti yang ketiga iaitu berbual-bual kosong, data menunjukkan seramai 13 orang murid lelaki atau 65% berbanding hanya dua orang murid perempuan atau 10% yang melakukan aktiviti tersebut.

Bagi aktiviti yang kelima iaitu berfikiran ke tempat lain ketika proses P&P berlangsung menunjukkan seramai 11 orang murid lelaki atau 55% melakukan aktiviti tersebut berbanding hanya seorang murid perempuan atau 5% daripada 20 orang murid perempuan yang berada di dalam kelas tersebut.

Kesimpulan yang dapat dilihat di sini ialah murid lelaki telah menjalankan paling banyak aktiviti semasa proses P&P sedang dijalankan seperti berfikiran ke tempat lain, berbual-bual kosong dan tidak menumpukan perhatian berbanding murid perempuan yang kurang menjalankan aktiviti semasa mengikuti sesi PK di dalam kelas. Dengan ini dapat dikatakan tahap tumpuan murid perempuan adalah lebih tinggi berbanding murid lelaki dan secara tidak langsung ianya memberi kesan terhadap pencapaian mereka di

dalam ujian Bahasa Arab yang mereka jalani bila mana skor markah murid perempuan adalah lebih tinggi berbanding murid lelaki di dalam kedua-dua ujian yang dijalankan.

Seterusnya jadual 4.6 adalah berdasarkan pemerhatian yang kedua iaitu kesediaan murid dalam menjawab soalan guru semasa P&P dijalankan. Ianya juga bagi menjawab soalan dua kajian ini iaitu untuk melihat kesan PK terhadap matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina. Sebanyak 10 soalan disediakan dan ditanya kepada murid di mana soalan tersebut adalah berkaitan dengan tajuk yang telah diajar. Bentuk bulatan mewakili murid perempuan dan bentuk tiga segi di dalam rajah mewakili murid lelaki. Apabila murid menjawab soalan, nombor soalan itu dituliskan dalam bentuk yang mewakili mereka. Bentuk kosong menunjukkan murid itu tidak memberi respons dan tidak menjawab sebarang soalan.



Jadual 4.6 : Kekerapan kesediaaan murid lelaki dan perempuan menjawab soalan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran

Jadual di atas menunjukkan tiada terdapat murid lelaki yang menjawab atau memberi respons untuk soalan pertama hingga soalan enam yang ditanya berbanding 5 orang murid perempuan atau 25% yang telah menjawab soalan-soalan tersebut. Bagi soalan enam hingga sepuluh, terdapat seramai 2 orang murid lelaki atau 10% menjawab soalan tersebut berbanding murid perempuan seramai 3 orang atau 15%.

Bagi soalan yang seterusnya iaitu soalan 11 hingga 15 menunjukkan seramai 4 orang atau 20% murid perempuan menjawab soalan tersebut berbanding hanya seorang murid lelaki atau 5%. Seramai 3 orang murid perempuan atau 15% menjawab soalan yang diajukan bagi soalan seterusnya iaitu soalan 16 hingga 20 berbanding hanya 2 orang atau 10% murid lelaki yang bersedia menjawab soalan tersebut ketika proses P&P berlangsung di dalam kelas.

Daripada dapatan tersebut, nombor soalan banyak ditulis di dalam bulatan berbanding di dalam bentuk segi tiga dan graf di atas menunjukkan murid perempuan telah mendahului murid lelaki dari segi bilangan yang menjawab soalan. Pada keseluruhannya dapat dirumuskan di sini murid perempuan lebih banyak mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang diajukan secara lisan oleh guru dan ini menunjukkan kesediaan mereka terhadap proses P&P berbanding murid lelaki yang kurang bersedia ketika berada di dalam kelas. Secara tidak langsung, analisis data pemerhatian berstruktur yang dijalankan ini telah mengukuhkan lagi jawapan bagi soalan kedua di dalam kajian ini.

4.3 Sejauhmana amalan PK dapat meningkatkan minat murid terhadap Bahasa Arab.

Setelah rawatan diberikan dengan menggunakan kaedah PK di dalam pengajaran Bahasa Arab, soal selidik telah diberikan kepada murid untuk melihat dan mengetahui pandangan mereka tentang amalan PK yang digunakan oleh guru dalam mempelajari Bahasa Arab dan data seterusnya adalah bagi menjawab soalan kajian yang ketiga.

Jadual 4.7 di bawah menunjukkan kekerapan dan peratus bilangan murid terhadap item dalam soal selidik yang telah diberikan kepada mereka. Jawapan murid dikumpul mengikut kekerapan dan peratus berdasarkan skala sangat setuju, setuju, kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju terhadap item soalan.

Jadual 4.7 : Kekerapan dan peratus pilihan item soal selidik selepas murid didedahkan dengan kaedah PK

	Kekerapan	Peratus
KURANG SETUJU	3	7.5
SETUJU	13	32.5
SANGAT SETUJU	24	60.0
Jumlah	40	100.0

Soalan 1 : Menyukai matapelajaran Bahasa Arab

	Kekerapan	Peratus
KURANG SETUJU	1	2.5
SETUJU	12	30.0
SANGAT SETUJU	27	67.5
Jumlah	40	100.0

Soalan 2 : Mudah memahami sesi pembelajaran Bahasa Arab

	Kekerapan	Peratus
KURANG SETUJU	2	5.0
SETUJU	10	25.0
SANGAT SETUJU	28	70.0
Jumlah	40	100.0

Soalan 3 : Seronok setiap kali guru melakukan aktiviti di dalam kelas

	Kekerapan	Peratus
KURANG SETUJU	2	5.0
SETUJU	12	30.0
SANGAT SETUJU	26	65.0
Jumlah	40	100.0

Soalan 4 : Memahami arahan yang diberikan oleh guru dengan baik

	Kekerapan	Peratus
SETUJU	12	30.0
SANGAT SETUJU	28	70.0
Jumlah	40	100.0

Soalan 5 : Kaedah yang digunakan membantu untuk menjawab soalan ujian

	Kekerapan	Peratus
KURANG SETUJU	2	5.0
SETUJU	10	25.0
SANGAT SETUJU	28	70.0
Jumlah	40	100.0

Soalan 6 : Aktiviti semasa yang dilakukan oleh guru membantu untuk menjawab soalan ujian

	Kekerapan	Peratus
SETUJU	14	35.0
SANGAT SETUJU	26	65.0
Jumlah	40	100.0

Soalan 7 : Elemen koperatif yang digunakan amat membantu untuk menjawab soalan ujian

	Kekerapan	Peratus
SETUJU	6	15.0
SANGAT SETUJU	34	85.0
Jumlah	40	100.0

Soalan 8 : Berharap kaedah koperatif diteruskan pada masa akan datang

Cronbach's Alpha	Bilangan Soalan
.875	8

Jadual 4.8 : Nilai kebolehpercayaan

Di sini kita dapat melihat kekerapan dan peratus pilihan item soal selidik selepas murid didedahkan dengan kaedah PK di dalam jadual seperti yang tertera di atas. Bagi soalan pertama iaitu menyukai matapelajaran Bahasa Arab jelas menunjukkan seramai 24 orang murid atau 60% berada pada tahap sangat setuju atau menyukai matapelajaran Bahasa Arab setelah mereka didedahkan dengan kaedah koperatif di dalam kelas. Manakala terdapat 13 orang murid atau 32.5% murid pula berada pada tahap setuju mengenai soalan ini. Selebihnya iaitu seramai 3 orang murid atau 7.5% berada pada tahap kurang setuju mengenai soalan ini. Bagi soalan pertama ini, tiada jawapan murid menunjukkan berada pada tahap tidak setuju dan sangat tidak setuju mengenai soalan yang diberikan ini.

Bagi soalan kedua di dalam soal selidik menunjukkan terdapat seramai 27 orang murid atau 67.5% berada pada tahap sangat setuju atau mudah memahami sesi pembelajaran Bahasa Arab setelah didedahkan dengan kaedah koperatif di dalam kelas. Seterusnya terdapat 12 orang murid atau 30% berada pada tahap setuju mengenai soalan yang dikemukakan. Selebihnya terdapat seorang murid sahaja atau 2.5% kurang setuju mengenai soalan ini. Bagi soalan kedua juga tiada jawapan murid yang menunjukkan berada pada tahap tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Jadual di atas juga menunjukkan seramai 28 orang murid atau 70% sangat setuju mengenai soalan ketiga iaitu merasa seronok setiap kali guru melakukan aktiviti di dalam kelas tersebut. Seramai 10 orang murid atau 25% berada pada tahap setuju dan merasa seronok setiap kali guru melakukan aktiviti melalui kaedah koperatif yang dijalankan di dalam kelas. Terdapat 2 orang murid atau 5% sahaja berada pada tahap kurang setuju mengenai soalan yang dikemukakan ini. Bagi soalan ketiga ini tiada terdapat jawapan murid menunjukkan tahap tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Memahami arahan yang diberikan oleh guru dengan baik merupakan soalan keempat di dalam soal selidik yang diberikan kepada murid. Melalui kutipan data yang dilakukan, terdapat seramai 26 orang murid atau 65% sangat setuju mengenai soalan ini iaitu setelah didedahkan dengan kaedah koperatif di dalam kelas,mereka mampu memahami arahan yang diberikan oleh guru dengan baik. Seramai 12 orang murid atau 30% berada pada tahap setuju mengenai soalan keempat ini dan seterusnya terdapat 2 orang murid atau 5% sahaja berada pada tahap kurang setuju mengenai soalan ini. Di dalam soal selidik yang dijalankan ini juga, tiada terdapat jawapan murid yang menunjukkan tahap tidak setuju dan sangat tidak setuju mengenai soalan yang dikemukakan ini.

Seterusnya terdapat seramai 28 orang murid atau 70% berada pada tahap sangat setuju bagi soalan kelima iaitu kaedah koperatif yang digunakan membantu untuk menjawab soalan ujian yang dijalankan. Selebihnya kutipan data menunjukkan seramai 12 orang murid atau 30% berada pada tahap setuju mengenai soalan yang dikemukakan ini. Tiada terdapat jawapan murid berada pada tahap kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju mengenai soalan kelima ini.

Jadual seterusnya menunjukkan seramai 28 orang murid atau 70% sangat setuju mengenai aktiviti semasa yang dilakukan oleh guru di dalam kelas membantu mereka menjawab soalan ujian Bahasa Arab yang dijalankan. Seramai 10 orang murid atau 25% berpendapat aktiviti melalui kaedah koperatif yang dijalankan di dalam kelas membantu mereka dalam menjawab soalan ujian Bahasa Arab. Manakala terdapat 2 orang murid atau 5% sahaja berada pada tahap kurang setuju mengenai soalan yang dikemukakan ini. Bagi soalan keenam ini juga tidak terdapat jawapan murid menunjukkan tahap tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Elemen koperatif yang digunakan amat membantu untuk menjawab soalan ujian Bahasa Arab yang dijalankan dan seramai 26 orang murid atau 65% sangat setuju mengenai soalan ketujuh di dalam soal selidik ini dan selebihnya iaitu seramai 14 orang murid atau 35% berada pada tahap setuju. Tiada terdapat jawapan murid yang menunjukkan tahap kurang setuju,tidak setuju dan sangat tidak setuju mengenai soalan ini.

Berdasarkan jadual yang terakhir iaitu soalan yang kelapan, seramai 34 orang murid atau 85% sangat setuju dan berharap agar kaedah koperatif diteruskan pada masa akan datang manakala selebihnya iaitu seramai 6 orang murid atau 15% berada pada tahap setuju mengenai soalan ini. Juga tiada jawapan murid yang menunjukkan kurang setuju, tidak setuju dan sangat tidak setuju.

Nilai kebolehpercayaan dapat dilihat pada jadual 4.8 dan statistik kebolehpercayaan menunjukkan nilai Cronbach Alpha 0.875 (>0.6) bagi soal selidik ini amat baik. Ini bermakna item yang dibina untuk konstruk ini adalah amat baik dan pilihan populasi adalah tepat. Dengan ini turut menunjukkan nilai kebolehpercayaan di dalam soal selidik yang dijalankan dan diberikan kepada murid adalah amat tinggi.

Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini melalui dapatan kajian dalam soal selidik yang telah dibentangkan di atas mendapati setelah murid diperkenalkan dengan kaedah PK ianya menunjukkan peratus murid sangat setuju atau menyukai matapelajaran Bahasa Arab adalah 60% berbanding kurang setuju mengenainya iaitu seramai 7.5%.

Bagi item soalan kedua, mudah memahami sesi pembelajaran Bahasa Arab peratus menunjukkan sangat setuju 67.5% berbanding kurang setuju 2.5%. Seterusnya bagi item soalan seronok setiap kali guru melakukan aktiviti di dalam kelas, peratus sangat setuju 70% berbanding kurang setuju 5%. Seterusnya bagi item soalan memahami arahan yang diberikan oleh guru dengan baik, peratus sangat setuju 65% berbanding kurang setuju 5%.

Seterusnya bagi item soalan iaitu kaedah yang digunakan membantu untuk menjawab soalan ujian, peratus sangat setuju adalah sebanyak 70% dan setuju sebanyak 30%. Bagi item soalan keenam, aktiviti semasa yang dilakukan oleh guru membantu untuk menjawab soalan ujian peratus sangat setuju adalah sebanyak 70% dan 5% kurang setuju mengenainya. Seterusnya elemen koperatif yang digunakan amat membantu untuk menjawab soalan ujian peratus sangat setuju sebanyak 65% dan selebihnya setuju sebanyak 35%. Peratus bagi item soalan yang terakhir iaitu berharap kaedah koperatif diteruskan pada masa akan datang adalah sebanyak 85% berbanding setuju sebanyak 15%.

Dapatan menunjukkan peratusan murid yang menjawab soal selidik pada skala sangat setuju adalah lebih tinggi berbanding pada tahap lain seperti setuju atau kurang setuju terhadap item soal selidik yang diberikan. Tiada dapatan menunjukkan murid menjawab pada tahap tidak setuju dan sangat tidak setuju.

4.4 Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam bab ini adalah hasil daripada data yang diperolehi melalui ujian pra dan pos, set pemerhatian berstruktur dan set soal selidik yang telah dijalankan ke atas sampel kajian. Secara keseluruhannya, data-data yang diperolehi telah banyak membantu pengkaji untuk mencari jawapan tentang sejauhmana keberkesanan kaedah PK di dalam pengajaran Bahasa Arab program j-QAF. Berikut dibentangkan dapatan kajian yang telah diperolehi :

- 1) Skor markah murid yang diperolehi melalui ujian pra dan pos berjaya membuktikan keberkesanan kaedah PK di dalam pembelajaran Bahasa Arab di mana keseluruhan murid berjaya mendapat markah yang lebih baik dalam ujian pos berbanding ujian pra iaitu sebelum didedahkan dengan kaedah PK. Ini bermakna rawatan atau PK yang dijalankan oleh guru telah berjaya membantu dan meningkatkan pencapaian murid di dalam matapelajaran Bahasa Arab. Dengan perkataan lain, inovasi melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji secara signifikannya berjaya menghasilkan pencapaian yang lebih baik kepada semua murid yang terlibat.
- 2) Walaupun dapatan kajian telah berjaya meningkatkan pencapaian keseluruhan murid yang terlibat namun dapatan melalui pemerhatian yang dijalankan turut menunjukkan kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina. Ini dapat dilihat melalui pencapaian murid perempuan terbukti lebih baik di dalam ujian pra dan ujian pos yang dijalankan berbanding murid lelaki. Ianya adalah kerana dapatan melalui kedua-dua set pemerhatian berstruktur yang dijalankan jelas menunjukkan murid perempuan memberi tumpuan yang lebih ketika sesi pembelajaran dan sentiasa berusaha untuk menjawab soalan yang diajukan oleh guru berbanding murid lelaki. Secara tidak langsung, tumpuan dan kesungguhan murid perempuan terhadap pembelajaran memberi kesan yang baik ke atas pencapaian di mana mereka dan berjaya mengekalkan pencapaian di dalam ujian pra dan setelah melalui kaedah PK pencapaian mereka didapati lebih meningkat dalam ujian pos berbanding murid lelaki. Ini dapat dilihat melalui peratus markah yang diperolehi di

dalam kedua-dua ujian tersebut menunjukkan peratus atau markah murid perempuan telah mendahului murid lelaki.

- 3) Dapatan seterusnya yang diperolehi melalui soal selidik telah berjaya menunjukkan amalan PK dapat meningkatkan minat murid terhadap Bahasa Arab melalui peratusan murid yang menjawab soal selidik pada skala sangat setuju adalah lebih tinggi berbanding pada tahap lain seperti setuju atau kurang setuju terhadap semua item soal selidik. Tiada dapatan menunjukkan murid menjawab pada tahap tidak setuju dan sangat tidak setuju dan ini jelas menunjukkan kaedah PK yang digunakan oleh pengkaji sesuai dalam membantu murid meningkatkan pencapaian di dalam Bahasa Arab.

Melalui dapatan kajian yang dibentangkan jelas menunjukkan ianya dapat memberi satu hasilan dan gambaran tentang keberkesanan kaedah PK dalam pembelajaran Bahasa Arab. Usaha pengkaji menjalankan kaedah PK di dalam P&P dengan menggunakan elemen-elemen yang perlu ada di dalam PK seperti kebertanggungjawaban individu, interaksi serentak, penglibatan saksama, interaksi bersemuka, kemahiran sosial dan pemprosesan kumpulan telah berjaya membantu dalam meningkatkan pencapaian murid terutamanya di dalam ujian Bahasa Arab yang dijalankan dan menambah minat murid terhadap mata pelajaran tersebut. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini jelas menunjukkan keberkesanan kaedah PK di dalam pengajaran Bahasa Arab program j-QAF.

4.5 Penutup

Kajian yang dijalankan dengan memberi rawatan kaedah PK terhadap 40 orang murid dalam pembelajaran Bahasa Arab ini telah memperolehi keputusan-keputusan seperti berikut iaitu terdapat perbezaan yang signifikan antara skor murid dalam ujian pra iaitu sebelum didedahkan dengan kaedah PK dan ujian pos iaitu selepas dirawat dengan kaedah PK. Seterusnya terdapat kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina dan murid telah menunjukkan minat terhadap Bahasa Arab melalui amalan PK yang dijalankan.

BAB LIMA

KESIMPULAN, CADANGAN DAN PENUTUP

5.0 Pendahuluan

Di dalam bab ini menerangkan sepintas lalu mengenai kesimpulan melalui dapatan kajian yang diperolehi. Seterusnya dapatan kajian tersebut dibincangkan secara lebih mendalam beserta dengan implikasi kajian. Lanjutan daripada kajian ini, beberapa cadangan turut dikemukakan oleh pengkaji dan diakhiri dengan rumusan keseluruhan laporan kajian ini.

5.1 Kesimpulan

Kesimpulan yang diperolehi melalui dapatan kajian yang diperolehi adalah :

- 1) Hasil daripada analisis data bagi menjawab soalan satu menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor markah keseluruhan murid yang terlibat sebelum dan selepas dirawat dengan kaedah koperatif. Ini bermakna terdapat peningkatan dari segi pencapaian skor markah murid melalui ujian pos yang dijalankan berbanding sebelum diperkenalkan dengan kaedah koperatif. Keputusan ini menunjukkan hasil hubungan interaksi sesama rakan sebaya dalam kumpulan telah berjaya meningkatkan pengetahuan dan kebolehan murid di dalam Bahasa Arab serta mewujudkan kerjasama yang jitu di mana murid yang pandai membantu murid yang lemah.

Secara tidak langsung ia meningkatkan tahap kefahaman murid dalam 10 tajuk yang telah diajar dengan menggunakan kaedah koperatif. Dapatan ini diperkuuhkan lagi dengan dapatan Zawiah (2001) yang mendapati teknik koperatif 'Round Robin' telah membolehkan murid berkongsi maklumat dan mendapat persetujuan bersama dalam kumpulan tentang sesuatu idea.

- 2) Di dalam kajian yang dijalankan ini, dapatan melalui pemerhatian menunjukkan terdapat kesan PK terhadap pencapaian dalam matapelajaran Bahasa Arab dari segi jantina di mana murid perempuan lebih memainkan peranan di dalam aktiviti di dalam kelas berbanding murid lelaki. Ini dapat dilihat di dalam sesi soal jawab oleh guru, murid perempuan lebih ramai menjawab soalan yang diajukan. Manakala bagi set pemerhatian kedua yang dijalankan turut mendapati murid perempuan lebih menumpukan perhatian kepada pembelajaran yang berlangsung berbanding murid lelaki. Secara tidak langsung ianya memberi kesan yang baik ke atas pencapaian murid perempuan di dalam ujian yang dijalankan berbanding murid lelaki.
- 3) Dapatan seterusnya yang diperolehi melalui soal selidik bagi menjawab soalan ketiga menunjukkan amalan PK berjaya membuatkan murid mempunyai sikap yang positif dan minat mereka semakin bertambah terhadap matapelajaran Bahasa Arab berbanding sebelum mereka diperkenalkan dengan kaedah koperatif. Pengkaji mendapati hal ini adalah kerana mereka dapat menerima dan menyukai aktiviti yang dijalankan oleh guru sepanjang sesi PK dijalankan. Aktiviti yang dijalankan di dalam kumpulan juga membuatkan murid dapat

berinteraksi dengan rakan dan saling bekerjasama dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan oleh guru. Seterusnya, murid juga bersetuju teknik PK yang dipelajari membantu mereka di dalam menjawab soalan ujian dengan baik dan berharap agar kaedah ini diteruskan lagi pada masa akan datang sebagai salah satu kaedah di dalam pengajaran Bahasa Arab.

Berdasarkan dapatan seperti yang dijelaskan di atas, kesimpulan yang dapat dibuat adalah kaedah PK telah berjaya membantu meningkatkan pencapaian murid dan tahap kefahaman mereka dalam mata pelajaran Bahasa Arab. Ini dapat dilihat melalui skor markah keseluruhan murid yang telah dicapai dalam ujian pos yang telah dijalankan menunjukkan tiada murid yang mencapai tahap sangat baik sebelum didedahkan dengan PK iaitu murid yang mendapat markah ujian di antara 41 sehingga 50 markah. Manakala di dalam ujian pos terdapat seramai 11 orang murid atau 27.5% murid memperolehi pencapaian yang sangat baik berbanding ujian pra setelah mereka melalui pembelajaran dengan menggunakan kaedah koperatif.

Di samping itu juga, hasil daripada analisis menunjukkan bahawa tahap kemahiran sosial murid juga meningkat di mana wujud sifat kepimpinan dan tanggungjawab dalam diri setiap murid dalam melaksanakan tugas yang diberikan ketika sesi pembelajaran di dalam kelas. Oleh itu hasil daripada analisis, menunjukkan bahawa kaedah PK dikatakan sesuai untuk diaplikasikan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab program j-QAF.

5.2 Implikasi Kajian dari Segi Pedagogi

Daripada dapatan kajian melalui eksperimen yang dijalankan turut membawa kepada beberapa implikasi penting dari segi pedagogi dan Kurikulum Bahasa Arab khususnya tentang pelaksanaan program j-QAF sekolah rendah. Ianya juga dapat memperlihatkan kepada kita bahawa kaedah ini berupaya meningkatkan pencapaian murid. Ini dapat dilihat pada akhir sesi rawatan diberikan, murid semakin berminat dan cemerlang di dalam setiap tajuk yang diajar setelah didedahkan dengan kaedah PK. Beberapa implikasi penting yang boleh dirumuskan ialah :

- 1) Pendekatan koperatif yang diperkenalkan ini telah dapat memupuk kemahiran koperatif di antara murid yang terlibat serta memberi peluang kepada mereka untuk belajar secara aktif dan bekerjasama sesama ahli kumpulan. Ini dapat dilihat daripada dapatan melalui soal selidik yang menunjukkan sikap murid terhadap kaedah PK pada keseluruhannya menunjukkan berada pada tahap yang tinggi iaitu sikap yang positif.
- 2) Dapatan kajian ini juga membuktikan pengurusan bilik darjah merupakan salah satu elemen penting dalam P&P kerana ianya dapat meningkatkan motivasi murid untuk terus berjaya dalam pelajaran. Justeru, guru perlu bijak mengawal keadaan dengan melakukan aktiviti yang menarik melalui kaedah PK di samping memberi arahan, bimbingan dan panduan sepanjang sesi PK berlangsung tetapi tugas guru lebih kepada fasilitator atau pemudah cara yang lebih membimbing murid dalam memahami sesuatu tajuk sesuai dengan kehendak kaedah pembelajaran masa kini.

- 3) Kaedah PK ini sesuai untuk digunakan dalam membantu meningkatkan pencapaian murid di dalam Bahasa Arab. Walaupun kajian ini hanya menggunakan 8 kali masa pengajaran sahaja ianya cukup untuk menghasilkan perubahan yang positif dan perbezaannya jelas dapat dilihat melalui markah murid di dalam ujian pos setelah di dedahkan dengan kaedah koperatif berbanding dengan ujian pra sebelum murid diperkenalkan dengan kaedah PK ini. Pengkaji menjangkakan sekiranya kaedah koperatif ini digunakan untuk masa yang lebih panjang berbanding tempoh masa dalam kajian ini, pasti hasilnya akan lebih positif dan membanggakan. Ini jelas menunjukkan kaedah PK berjaya meningkatkan pencapaian akademik murid di samping meningkatkan motivasi, kerjasama, tanggungjawab murid dalam pembelajaran dan kaedah ini sesuai untuk dijadikan kaedah utama di samping kaedah-kaedah lain yang boleh digunakan oleh guru-guru di dalam bilik darjah.
- 4) Hasil daripada dapatan kajian juga menunjukkan, bagi menarik dan meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran Bahasa Arab, guru perlu lebih kreatif dan mencuba pelbagai teknik atau kaedah PK dalam pengajaran. Guru perlu memikirkan cara terbaik bagi menarik minat murid untuk lebih meminati subjek Bahasa Arab yang dipelajari. Ini memandangkan Bahasa Arab adalah bahasa asing kepada pelajar di Malaysia dan memerlukan kefahaman yang tinggi bagi mencapai matlamat pengajaran dan teknik atau kaedah PK perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang tajuk yang dipelajari. Minat murid terhadap Bahasa Arab perlu dipupuk sejak dari bangku persekolahan lagi bagi memudahkan mereka mempelajari Bahasa Arab setelah ke sekolah menengah.

5.2.1 Keistimewaan atau sumbangan Kaedah PK Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

Antara keistimewaan atau sumbangan kaedah PK terhadap pembelajaran Bahasa Arab yang dapat dilihat sepanjang kajian dijalankan ialah:

- 1) Murid telah menunjukkan kesungguhan dan kerjasama semasa mengikuti kelas rawatan. Ini dapat dilihat semasa mereka berada di dalam aktiviti berkumpulan, murid bersedia bekerjasama untuk berkongsi pengetahuan antara satu sama lain bagi menjawab soalan yang diajukan oleh guru mengenai topik yang diajar. Mereka juga lebih bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas dan saling bantu membantu untuk mencapai kejayaan bersama.
- 2) Ahli-ahli kumpulan didapati berkongsi kekuatan dan kelemahan masing-masing dalam sesi pembelajaran. Murid yang terlibat turut mempunyai kesedaran untuk bekerjasama dan menyumbang tenaga dalam melaksanakan sesuatu tugas dengan sempurna. Setiap ahli dalam kumpulan didapati belajar dan terlibat secara aktif untuk membantu kumpulannya. Murid yang berpencapaian baik didapati bersedia membantu murid yang berpencapaian kurang baik serta elemen pergantungan positif iaitu untuk mencapai matlamat yang sama jelas dapat dilihat dalam pelbagai aktiviti yang dijalankan di dalam bilik darjah. Dapatkan ini selari dengan pendapat beberapa orang pengkaji terdahulu bahawa rakan sebaya merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi pencapaian murid di sekolah. Murid yang suka belajar dengan rakan sebaya biasanya lebih

pintar, lebih kreatif, mempunyai pemikiran yang berkembang kerana memperolehi maklumat serta sumber yang lebih. (Gulley; Borone; Harriott; Saedah Siraj; Rohani).

- 3) Aktiviti yang dijalankan di dalam P&P membolehkan murid berinteraksi dengan aktif. Perubahan sikap dapat dilihat dari segi minat dan penglibatan mereka di dalam sesi pembelajaran Bahasa Arab. Keseronokan belajar dalam kumpulan juga meningkatkan kemahiran murid bersosial secara positif. Kemahiran bersosial mereka ini secara tidak langsung menjadi motivasi untuk lebih menghormati sesama ahli kumpulan. Selain daripada itu, peningkatan semangat untuk bersaing juga menjadikan murid yang kurang berminat terhadap Bahasa Arab kini lebih berminat untuk mempelajarinya oleh kerana semangat persaingan yang ditonjolkan oleh ahli kumpulannya sendiri dan kumpulan lain.

5.3 Cadangan

Dari sudut pedagogi, pengkaji menyenaraikan beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan juga untuk tindakan dan perhatian pihak yang terlibat khususnya untuk guru-guru Bahasa Arab program j-QAF iaitu :

- 1) Pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) memberi kursus intensif mengenai kaedah PK kepada jurulatih utama (JU) yang telah dilantik bagi program j-QAF. Seterusnya mereka akan memberi penerangan mengenai kaedah tersebut melalui kursus dalaman yang dihadiri oleh guru-guru Bahasa Arab yang terlibat.

- 2) Pihak JPN dan PPD perlu menggalakkan guru-guru Bahasa Arab program j-QAF untuk membentuk modul kaedah PK agar dapat dijadikan panduan dan boleh digunakan oleh guru-guru lain sebagai sumber rujukan atau bahan pengajaran di dalam bilik darjah.
- 3) Pihak Universiti dan Institut Perguruan Malaysia boleh menawarkan kursus mengenai kaedah PK kepada bakal guru supaya mereka akan menjadi seorang guru yang kreatif dan inovatif di dalam melaksanakan P&P bagi menarik minat murid.
- 4) Pihak pentadbir sekolah menyokong dan membantu dalam meningkatkan kemahiran guru dalam mengendalikan PK. Ini secara tidak langsung akan memberi semangat kepada guru-guru dan hasilnya mereka akan mengendalikan proses P&P dengan baik menggunakan kaedah PK.
- 5) Bagi guru-guru yang mengajar matapelajaran Bahasa Arab program j-QAF hendaklah menggunakan kaedah PK di dalam P&P di dalam kelas kerana ianya terbukti dapat meningkatkan pemahaman murid mengenai sesuatu tajuk yang diajar seterusnya meningkatkan pencapaian mereka di dalam ujian yang dijalankan. Guru juga perlu memperbanyak aktiviti kumpulan belajar bersama supaya murid-murid dapat berbincang dan bekerjasama di dalam menyelesaikan tugasan atau lembaran kerja yang diberikan oleh guru bersama-sama.

- 6) Guru perlu menjadi fasilitator atau pemudah cara di dalam membantu murid dalam proses pembelajaran dan memberi mereka peluang dalam menyelesaikan sesuatu tugas. Melalui cara ini, akan lahir sifat kepimpinan dan semangat kerjasama dalam diri murid dan sifat tersebut hendaklah dididik sejak dari bangku persekolahan agar dapat dilaksanakan dalam kehidupan pada masa akan datang.

5.3.1 Cadangan Untuk Penyelidik Selanjutnya

Seterusnya adalah saranan atau cadangan kepada para penyelidik selanjutnya untuk membuat penambahbaikan dan memperbaiki kelemahan kerana sudah pasti terdapat kekurangan dalam kajian yang telah dijalankan ini. Justeru, beberapa peruntukan cadangan dikemukakan untuk penyelidikan selanjutnya :

- 1) Menggunakan sampel yang mewakili sekolah menengah bagi matapelajaran Bahasa Arab Tinggi (BAT) untuk melihat adakah kaedah ini juga sesuai digunakan untuk semua peringkat umur persekolahan. Tidak hanya tertumpu kepada sampel di sekolah rendah sahaja.
- 2) Menggunakan sampel yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti murid luar bandar dan bandar serta mengambil kira taraf sosio ekonomi murid tersebut untuk melihat adakah ianya turut menyumbang ke atas pencapaian mereka.

- 3) Menggunakan masa kajian yang lebih lama adalah lebih baik supaya lebih banyak masa diberikan untuk melihat sejauhmana keberkesanannya melalui pelbagai sudut pembelajaran termasuk menekankan kemahiran sosial dan interaksi sesama ahli kumpulan semasa berlangsungnya sesi P&P Bahasa Arab.
- 4) Guru perlu mempelbagaikan jenis soalan dalam ujian yang akan diberikan kepada murid. Ini bagi menentukan adakah kaedah ini sesuai dilaksanakan dalam semua jenis tahap ujian yang dijalankan.
- 5) Walaupun di dalam kajian ini keseluruhan murid mendapat markah yang baik di dalam ujian yang dijalankan, namun pengkaji menggesa agar mencari teknik atau alternatif yang dapat menarik minat murid lelaki di dalam proses P&P agar lebih memberi tumpuan dan perhatian serta memberi tindak balas di dalam proses P&P melalui PK yang dijalankan di dalam bilik darjah agar tidak terdapat perbezaan yang ketara di dalam pencapaian berbanding murid perempuan.

5.4 Penutup

Walaupun kajian ini amat terbatas dan masih banyak kajian lanjut yang perlu dijalankan tetapi dapatan yang diperolehi sedikit sebanyak dapat memberi gambaran awal tentang keberkesanannya kaedah ini dalam pengajaran Bahasa Arab. Matlamat kajian ini dijalankan adalah bagi melibatkan murid untuk saling bantu membantu di antara satu sama lain dalam kumpulan kecil di dalam memastikan matlamat pembelajaran tercapai.

Sepertimana yang kita sedari, semangat bekerjasama yang wujud di antara murid di dalam kaedah ini membantu proses sosialisasi untuk hidup bermasyarakat dalam zaman yang serba maju ini. Ini kerana menurut dapatan Sharifah Alawiyah Al-Sagoff (1984), kita dapat sistem persekolahan yang ada pada hari ini kurang membantu meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi, motivasi, konsep kendiri, pemupukan nilai murni dan pelbagai kemahiran lagi sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Hal ini berpunca dari amalan mengelompokkan para pelajar mengikut prestasi.

Sebagai satu kaedah yang berpusatkan murid, kaedah ini wajar digunakan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran di sekolah-sekolah kita bagi membantu murid memahami isi pembelajaran dengan lebih baik untuk kebaikan semua. Justeru, tugas guru sebagai tenaga pengajar beralih kepada pemudah cara dan pembakar semangat agar mereka berusaha untuk meneroka dan mencari sendiri maklumat yang dikehendaki terutama dalam setiap tugasan berkumpulan yang diberikan.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Rahim Abd. Rashid, (1998). Prinsip-prinsip Umum Pembelajaran (Kertas Kerja yang dibentangkan di Kursus Guru-guru MARA di bangunan MARA 20-24 April 1998).
- Abrami, P.C, Chambers (1995). Classroom connections: Understanding and using cooperative learning. New York: Harcourt.
- Ahmad Mohd. Salleh (2004). *Pendidikan Islam; Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Fajar Bakti Sdn Bhd.
